

BAB III

BAB III**PANDANGAN ISLAM TERHADAP PERUBAHAN MORAL****A. ISLAM DAN PERUBAHAN MORAL**

Masyarakat Islam sedang mengalami perubahan sosial yang hebat, hasil dari perubahan persekitaran. Perubahan sosial ini dinilai oleh orang Islam menurut kacamata Syariah. Dengan lain perkataan, perubahan sosial yang bertentangan atau mencabar undang-undang Islam adalah dianggap oleh ahli sosiologi Islam sebagai bertentangan atau memusuhi sifat asasi manusia.¹

Perubahan yang dikehendaki oleh Islam meliputi aspek fizikal, mental dan rohani sesuai dengan matlamat kejadian manusia. Oleh itu segala bentuk perubahan moral yang hendak dizahirkan mestalah mampu memenuhi keseimbangan perubahan dari aspek-aspek yang dimaksudkan, dengan meletakkan keredaan Allah sebagai paksinya. Perubahan moral dari sudut fizikal dan pembangunan nilai-nilai kerohanian hendaklah diberi perhatian, agar ia dapat membentuk kekuatan luaran dan dalaman diri

¹S.S Husain dan S.A Ashraf (1989), *Krisis Dalam Pendidikan Islam*. Mas'ood Abdul Rashid (penterj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 95.

individu.² Ini kerana pembentukan moral masyarakat yang berasaskan ajaran agama akan menjamin kualiti insan yang lebih beretika dan berakhhlak tinggi.³

Dalam memastikan perubahan menepati kehendak Islam, beberapa pertimbangan diperlukan. Antaranya:⁴

1. Perubahan itu ke arah mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, menjadikan seseorang itu sebagai hamba yang beriman, beramal soleh, saling berkerjasama, boleh berdikari, menegakkan ma'ruf dan menolak kemungkaran; di samping mampu memimpin masyarakat menghayati ajaran Islam secara berkesan; dan
2. Perubahan yang berdasarkan ilmu pengetahuan yang menjurus kepada kepentingan hidup manusia agar seseorang itu bersyukur di atas segala pemberian dan nikmat-Nya.

² Mohd. Tarmizi Samsi, "Menangani Agenda Perubahan", *Berita Harian*. 16 Dis. 1994, hlm. 10.

³ Shahrum Azli Mohd. Shukor (1995), "Berjayakah Pembangunan Tanpa Agama Dan Akhlak?", *Majalah Cahaya*. Bil. 3, Thn. 7, Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, hlm. 23.

⁴ Mohd. Tarmizi Samsi, *op.cit.*, hlm. 10.

Persoalan mengenai moral dan pembentukan peribadi adalah satu tajuk yang ditangani oleh manusia sejak mula wujudnya nilai tamadun di kalangan umat manusia. Menurut Ibnu Khaldun, turun naiknya sesebuah negara dan tamadun, banyak bergantung kepada sejauhmana umat itu memegang nilai-nilai yang tinggi.⁵ Seorang penyair Arab bernama Ahmad Shauqi berkata:

*"Sesungguhnya sesebuah masyarakat itu akan ada selagi ada akhlaknya. Sekiranya akhlaknya tiada, masyarakat akan lenyap"*⁶

Manusia tidak akan sempurna tanpa mempunyai nilai moral yang tinggi. Kemuliaan sesuatu umat bukan hanya bergantung kepada ilmu yang tinggi tetapi juga ketinggian moral yang dimiliki. Untuk menentukan nilai-nilai moral yang harus dipunyai oleh seorang muslim, Islam menjadikan al-Qur'an dan Hadis sebagai sumber rujukan utama. Rasulullah s.a.w bersabda:

⁵ Mustaffa Kamil Ayub (1994), *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd., hlm. 81.

⁶ Al-Qutb Muhammad al-Qutb Tabliyyah (1984), *Al-Islām Wa Huqūq Al-Insān: Dirāsāt Muqāranat*. cet. ke 2, al-Qāherah: Dār al-Fikr al-'Arabī: hlm. 583.

تركت فيكم أمرين لن تضلوا ما مسكتم
بهمما ، كتاب الله و سنة نبيه .

7

Yang bermaksud:

"Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara,
kamu tidak akan sesat selama-lamanya
selagi berpegang teguh dengan kedua-
duanya, iaitu kitabullah dan sunnah
Nabi-Nya"

Moral amat penting pada diri seseorang kerana ia amat rapat dengan iman. Seseorang yang tidak mantap moralnya dianggap tidak mempunyai iman yang kuat. Pada hakikatnya fitrah semulajadi manusia adalah baik. Walau bagaimanapun kadang-kadang manusia mempunyai keinginan yang melencong dari kebaikan. Oleh itu Islam berperanan untuk memberi panduan yang sempurna kepada manusia untuk memantap dan menyinarkan fitrah semulajadinya, disamping membebaskan dirinya dari bisikan syaitan.

Tidak dinafikan bahawa usaha memupuk moral yang baik di tengah budaya materialisme dan hedonisme sekarang ini

⁷Mālik bin Anas (1985), Al-Muwattā'. Muhammad Fuad Abd. al-Bāqī (editor), Juz. ke 2, Bērūt: Dār Ihya' al-Turāth al-'Arabī, hlm. 899.

bukanlah satu tugas yang mudah. Ini ditambah pula dengan tingkat keprihatinan sosial umat Islam yang masih terlalu rendah. Mereka kurang peka terhadap nilai-nilai kemanusiaan, persaudaraan, keadilan dan kasih sayang, menyebabkan masyarakat dikecewakan oleh gejala kelembapan umat dalam menangani masalah-masalah sosial.⁸

Gejala keruntuhan moral masyarakat Islam yang kian meruncing menampakkan kepincangan sistem sosial dalam menangani peningkatan teknologi masa kini. Kemajuan sains dan teknologi tidak mampu mendidik tata susila dan kesopanan masyarakat dalam arus pembangunan yang pesat. Tetapi kalau dilihat dari ajaran Islam pembangunan merupakan satu kegiatan yang berorientasikan nilai, dan matlamatnya ialah untuk penyempurnaan kesejahteraan masyarakat dalam semua bidang kehidupan.⁹ Dasar Islam adalah jelas iaitu ketika manusia diberi peranan sebagai khalifah Allah s.w.t, maka pada masa yang sama ia juga adalah hamba Allah yang mesti tunduk kepada hukum Allah. Firman Allah yang bermaksud:

⁸ Siddiq Fadil (1992), *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar, hlm. 42.

⁹Shahrum Azli Mohd. Shukor, *op.cit.*, hlm. 24.

"Dialah yang mengangkat kamu menjadi khalifah di bumi, dan meninggikan setengah kamu daripada yang lain beberapa derajat, supaya Dia mencubaimu terhadap apa yang diberikan-Nya kepadamu, sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksa-Nya dan sesungguhnya Dia Pengampun lagi Penyayang"¹⁰

Kesimpulannya, umat Islam tidak seharusnya mengambil sikap negatif dan pasif terhadap perubahan masyarakat dan perkembangan terbaru yang berlaku, dengan alasan bahawa perubahan itu tiada kena mengena dengannya sebagai seorang Islam. Umat Islam tidak sepatutnya prihatin hanya kepada hukum-hukum syarak dan amal ibadat khusus. Sikap begini amat merugikan masyarakat dan menjelaskan pembangunan negara dan bangsa yang memerlukan pandangan dan sokongan dari segi sandaran agama dan nilai-nilai moral kerohanian Islam.

1. Moral Jahiliyah dan Moral Islam.

Perkataan jahiliyah diambil dari kata dasar 'jahala' (جهل) dan kata terbitannya 'jahlun' (جهلون) atau jahalat (جهالات) bererti bodoh dan sesat.¹¹ Makna

¹⁰ Al-An'aam (6): 165.

¹¹ Ibrāhīm Anīs et. al. (1985), *al-Mu'jam al-Wasīt*. Juz. 1, Qattar: Idārat Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, hlm. 144.

ini selari dengan makna jahiliah di dalam al-Quran yang bermaksud:

"Apakah hukum jahiliah yang mereka kehendaki? Dan (hukum) siapakah lebih baik daripada hukum Allah bagi orang orang yang yakin"¹²

Dan firman Allah lagi yang bermaksud:

"Ketika timbul di dalam hati orang-orang yang tiada beriman, kebongkakkan jahiliah, Allah menurunkan rasa tenteram kepada Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman dan Allah menetapkan kalimah takwa bagi mereka. Dan mereka lebih berhak (memakai) kalimah takwa itu dan layak menjadi pemiliknya. Dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu"¹³

Daripada ayat-ayat al-Quran yang disebutkan nyatakan bahawa perkataan 'jahiliah' itu membawa maksud kekufuran, maksiat, keangkuhan dan juga kebodohan dalam ilmu pengetahuan, kerana tidak pandai menulis dan membaca. Jahiliah bermaksud fahaman dan amalan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Masyarakat sebelum Islam dikatakan jahiliah kerana mereka tidak menjadikan Islam sebagai

¹²Al-Mā'idah (5): 50.

¹³Al-Fath (48): 26.

panduan hidup mereka.¹⁴

Hakikatnya jahiliah dahulu, kini dan akan datang adalah sama sahaja. Pada bentuknya yang primitif, kejahilahan menyeru manusia kepada penyembahan patung berhala, tempat keramat, roh-roh halus dan lain-lain; manakala dalam bentuknya yang moden pula, kejahilahan mengajak manusia kepada penyembahan akal, sains dan teknologi. Mereka beranggapan akal dapat menentukan perkara baik dan buruk, tanpa petunjuk daripada Allah s.w.t. Hakikat inilah kemudiannya melahirkan fahaman-fahaman yang memberontak terhadap nilai-nilai suci agama.¹⁵

Menurut Sayyid Qutb, masyarakat jahiliah ialah masyarakat yang tidak menyembah Allah Yang Maha Esa dalam segala bentuk peribadatan dan pemikirannya. Amalan-amalan jahiliah merupakan amalan-amalan yang tidak mengikut tuntutan-tuntutan Islam; yang mana ini membawa pula kepada masalah moral yang menyeleweng dari ajaran Islam.¹⁶

¹⁴Hilmy Bakar al-Mascaty (1995), *Generasi Penyelamat Ummah*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd. hlm. 90.

¹⁵Ibid., hlm. 138 - 139.

¹⁶Sayyid Qutb (1981), *Ma'ālim fī al-Tariq*. Bēirūt: Dār al-Syurūq, hlm. 120.

Umat Islam kini sedang menghadapi berbagai-bagai masalah. Persoalan asas yang gawat dihadapi oleh mereka ialah kemelesetan nilai-nilai moral. Mereka sedang terperangkap di dalam cengkaman nilai-nilai baru¹⁷ serta begitu cepat terpengaruh dengan corak dan nilai-nilai asing yang bersifat materialistik.¹⁸ Sekiranya manusia berpegang kepada nilai-nilai ciptaan manusia hasil pemikiran akalnya yang terbatas, mereka akan menjadi hamba nafsu dan kebendaan.

Pergelutan untuk mendapat harta kekayaan dan kuasa berlaku dimana-mana. Cahaya kesedaran moral telah terhapus. Kemajuan dan pembangunan menyebabkan peratus jenayah juga kian bertambah. Nilai-nilai spiritual merosot, sementara undang-undang tandus dari semangat keadilan. Kepentingan diri mula menggantikan nilai-nilai perkhidmatan yang luhur. Pengajian ilmu pengetahuan berkembang maju tetapi sebahagian besar isinya mengancam kehidupan umat. Timbunan harta kekayaan

¹⁷ Na'eem Siddiqui (1985), *Muhammad s.a.w Pembina Umat*. Abdul Rahman Hussin (penterj. dari Bahasa Urdu) Kuala Lumpur: Pustaka Salam, hlm. 35.

¹⁸ Idris bin Zakaria, "Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Kehidupan", *Islam: Cabaran Dan Isu Semasa*". Ismail Abdul Rahman dan Mohd. Nasir Omar (ed.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 180.

berlambak di merata tempat, tetapi rakyat biasa hidup dalam kemiskinan.¹⁹

Inilah bentuk kehidupan jahiliah moden. Manusia sedang menghadapi cabaran krisis di seluruh dunia. Pembangunan kebendaan dan manusia yang dilahirkan olehnya tidak mampu menghadapi cabaran ini. Al-Quran menerangkan faktor-faktor penting yang membawa manusia ke lembah kejahilan dan kemungkaran.²⁰

a. Kepercayaan Membuta-Tuli

Kebanyakan manusia terjerumus ke lembah kesesatan kerana mereka mengikut secara membuta tuli apa yang dilakukan oleh ibubapa mereka dan menolak kebenaran yang datang kepada mereka. Sejarah membuktikan bahawa manusia telah mengikut jalan yang dilalui oleh nenek moyang mereka dan tidak mahu menukarinya. Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

¹⁹ Na'eem Siddiqui, *Ibid.*, hlm. 35 dan 36.

²⁰ Afzalur Rahman (1988) *Muhammad s.a.w Encyclopedia Of Seerah*. Volume 1, London: The Muslim Educational School Trust, hlm. 228.

"Dan demikianlah ketika Kami utuskan sebelum kamu seorang pemberi peringatan, orang-orang yang hidup mewah di antara mereka berkata, "Sesungguhnya kami dapati bapa-bapa kami menganut suatu agama dan kami adalah pengikut-pengikut mereka, (Rasul mereka) berkata "Apakah kamu akan tetap mengikuti (agama) bapa-bapa kamu sekalipun aku membawa petunjuk yang lebih nyata (lebih baik)? Mereka menjawab, "Kami tidak mempercayai apa yang kamu bawa itu"²¹

b. Terlalu Patuh Kepada Pemimpin.

Sikap terlalu mematuhi pemimpin juga merupakan salah satu faktor yang membawa kepada penolakan ajaran Allah. Mereka mengikut telunjuk para pemimpin politik, raja-raja dan orang-orang kaya serta menolak seruan para Rasul. Firman Allah yang bermaksud:

"Pada hari (waktu) muka mereka dibalik-balikkan dalam neraka, mereka berkata, "Wahai, kiranya kami dahulu mentaati Allah dan Rasul-Nya dan (mereka mengeluh) mengucapkan, "Wahai Tuhan kami! Kami telah mengikut pemimpin-pemimpin dan pembesar-pembesar kami, maka mereka menyesatkan kami (dari jalan yang benar)"²²

²¹Al-Zukhruf (43): 23 - 24.

²²Al-Ahzāb (33): 66 - 67.

c. Kemegahan.

Ramai yang menjadi sesat kerana sifat megah dan angkuh. Mereka tidak dapat menerima hakikat bahawa kepercayaan dan cara hidup mereka adalah salah kerana ia akan menjatuhkan status mereka pada pandangan orang lain.

Firman Allah yang bermaksud:

"Dan sesungguhnya setiap kali aku menyeru mereka, supaya Engkau mengampuni mereka, dimasukkannya anak jari ke dalam telinganya dan mereka menutup (mukanya) dengan pakaian dan mereka tetap (menyangkal) dan angkuh sekali"²³

d. Status Keduniaan.

Ia merupakan satu lagi faktor yang menyesatkan manusia. Orang kaya, walaupun melakukan rasuah atau berlaku zalim, tetap dianggap berjaya, manakala orang miskin walaupun patuh dan berbudi mulia dianggap sebagai orang yang gagal. Ini bermakna ukuran kejayaan atau kegagalan seseorang itu adalah berdasarkan wang ringgit tanpa mengambil kira moral atau peribadi mulia.

²³*Nūh* (71): 7.

Kaum Nabi Nuh a.s menolak dakwah beliau kerana sebahagian besar orang yang menyahut seruannya adalah golongan miskin. Firman Allah s.w.t bermaksud:

"Mereka menjawab, "Adakah patut kami mengikut engkau sedangkan yang mengikuti engkau hanyalah orang-orang yang hina (orang-orang bawahan)"²⁴

e. Nafsu Dan Dugaan.

Ada juga di kalangan manusia yang menolak kebenaran disebabkan mereka menjadi hamba kepada nafsunya. Allah memberi contoh tentang seorang yang berilmu tetapi tetap mengikut hawa nafsunya dan menolak kebenaran dalam firman-Nya yang bermaksud:

"Dan bacakanlah (Wahai Muhammad) kepada mereka berita orang yang Kami berikan kepadanya ayat-ayat Kami, kemudian ia tidak mengindahkannya (meninggalkannya), lantas ia diikuti (digoda) oleh syaitan, maka ia termasuk orang yang sesat. Dan kalau Kami kehendaki, tentu dapat Kami tinggikan darjatnya dengan (mengikuti) ayat-ayat itu, tetapi ia cinta (condong) kepada (kesenangan di) bumi dan mengikuti hawa nafsunya. Perumpamaannya seperti anjing. Jika engkau halau, dihulurkannya lidahnya dan jika engkau

²⁴Al-Syu'arā' (26): 11.

biarkan saja dihulurkannya juga lidahnya. Demikianlah perumpamaan orang yang mendustakan ayat-ayat Kami kerana itu ceritakanlah kepada mereka kisah itu agar mereka mengambil pelajaran"²⁵

f. Menentang kebenaran.

Ia merupakan satu kejahatan yang mempengaruhi individu dan umat manusia agar menjauhi kebenaran. Sesetengah orang suka melakukan kejahatan sehingga kejahatan itu meresap dalam dirinya. Mereka tidak sedikit pun merasa gelisah dan bersalah terhadap perbuatan jahat yang dilakukan. Allah berfirman yang maksudnya:

"Yang demikian itu kerana kamu bersukaria di muka bumi, berbuat maksiat dan kerana kamu sompong. Masuklah kamu ke pintu-pintu neraka jahanam, tinggal kekal di dalamnya. Dan amat buruklah tempat tinggal orang-orang yang sompong"²⁶

g. Kepatuhan Yang Membinasakan Hidup Di Dunia.

Ia merupakan satu tindakan yang tidak sepatutnya dilakukan oleh orang yang berakal. Golongan ini

²⁵ Al-A'rāaf (7): 175 - 176.

²⁶ Al-Mu'min (40): 75 - 76.

beranggapan bahawa taat beragama tidak sesuai dalam mengejar kejayaan hidup di dunia. Ayat berikut menjelaskan bahawa kaum Nabi Shuaib diberitahu oleh pemimpin mereka yang bermaksud:

"Dan orang bangsawan yang kafir dari kaumnya menjawab, "Sesungguhnya jika kamu mengikut Shuaib, nescaya kamu rugi" ²⁷

Dalam Islam, perkataan akhlak digunakan untuk menggambarkan moral seseorang. Ilmu akhlak adalah satu ilmu yang membincangkan tentang makna kebaikan dan keburukan, di samping juga menerangkan bagaimana seharusnya seseorang itu berinteraksi di antara satu sama lain.²⁸ Moral dalam Islam adalah hasil panduan daripada kitab suci al-Qur'an.²⁹

Dalam kehidupan bermoral, seseorang mukmin itu harus mematuhi segala ajaran Allah. Dia seharusnya bertindak mengamalkan ajaran Islam untuk dirinya di samping menyeru

²⁷ Al-A'rāaf (7): 90.

²⁸ 'Afīf 'Abd al-Fattāh Tabbārah (1985), *Rūh al-Dīn al-Islāmī*. cet. ke 25, Bēirūt: Dār al-'Ilm Li al-Malāyīn, hlm. 203.

²⁹ Al-Bārōn Kārādōpō (1984), *Al-Ghazālī*. 'Adil Zu'aitir (penterj.) cet. ke 2, Bēirūt: al-Muassasat al-'Arabiyyat Li al-Dirāsat wa al-Nashr, hlm. 119.

orang lain kearah kebaikan. Beliau juga wajib menjauhi kemungkaran dan mengajak orang lain untuk menjauhinya. Ajaran moral yang dimaksudkan ini telah dijelaskan oleh Rasulullah s.a.w sendiri melalui sabda baginda:

بعثت لأتمم محسن الأخلاق

30

Yang bermaksud:

"Aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak mulia"

Moral Nabi Muhammad (s.a.w) adalah al-Qur'an sebagaimana digambarkan oleh Saidatina 'Aisyah ketika menjawab pertanyaan para sahabat tentang akhlak Rasulullah s.a.w:

كان خلقه القرآن

31

Yang bermaksud:

"Akhlak baginda adalah al-Qur'an"

³⁰ Mālik bin Anas, op.cit., hlm. 904.

³¹ Abī 'Abdullah al-Syaibānī (1993), *Musnad Imām Ahmad bin Hanbal*. Juz. 7, cet. ke 2, Bēirūt: Dār Ihya' al-Turāth ăl-'Arabī, hlm. 269.

Ini bererti moral bukan etika khusus, tetapi meliputi segala tindakan sehari-hari sebagai aplikasi ajaran-ajaran Islam.

Muhamad Yusuf di dalam bukunya menceritakan tentang jawapan Jaa'far bin Abi Talib kepada soalan Raja Habsyah dengan kata-kata berikut:

"Allah telah mengutuskan kepada kami seorang Rasul dari kalangan kami yang kami kenal keturunannya, kebenarannya, kejujurannya dan kebaikannya; dia menyeru kami agar menyembah Allah Yang Maha Esa, dan menjauahkan diri dari menyembah batu-batu dan berhala; ia memerintahkan kami agar mengatakan yang benar, menunaikan amanah, menjalinkan silatulrahim, bersikap baik terhadap tetangga, menjauhi kejahatan dan tidak menumpahkan darah orang yang tidak berdosa, tidak berbohong, tidak memakan harta anak-anak yatim, dan memperkosa wanita; kami percaya kepadanya dan telah mengikutinya"³²

Persoalan moral amat penting kerana ia merupakan syarat kelangsungan hidup masyarakat, pembentukan tamadun dan menjamin kebahagiaan hidup manusia.³³ Sebab itulah

³² Muhammad Yūsuf al-Kand'hilawī (1959), *Hayāt al-Sahābat*. Juz. 1, Bēirūt: Dār al-Ma'rifat, hlm. 334.

³³ 'Abdullah Muhammad Zin (1992), *Al-Akhlāq Islāmiyyat Wa Atharuhā Fī Binā' al-Mujtama'*. Mālīziyyā: Pustaka Antara, hlm. 20; 'Afīf Abd. al-Fattāḥ Tabbārah, op.cit., hlm. 204.

Rasulullah s.a.w menerangkan kedudukan akhlak dengan sabdanya:

خَيْرُكُمْ إِذَا فَقَهُوا مَا أَحَاسِنُكُمْ أَخْلَاقًا .
34

Yang bermaksud:

"Orang yang paling baik Islamnya di kalangan kamu ialah orang yang paling elok akhlaknya apabila ia mengetahui"

Akhlik mulia merupakan tanda dan hasil dari keimanan. Rangsangan ke arah berakhlik mulia merupakan fitrah semulajadi manusia. Dia secara sukarela menerima hakikat untuk patuh dan menyerah diri kepada Allah.³⁵

2. Lingkungan Moral Dalam Islam.

Islam menghendaki nilai-nilai sosial yang menjamin terciptanya masyarakat yang sejahtera, makmur dan teguh. Moral dari perspektif Islam dibahaskan sebagai akhlak yang mendasari dimensi hubungan dengan pencipta (Allah), sesama manusia dan dengan alam.

³⁴Abī 'Abdullah al-Syaibānī, op.cit., Juz. 3, hlm. 236.

³⁵Fathī Yakan (1983), Māzā Ya'nī Intimā'i Li al-Islām. cet. ke 10, Bēirūt: Muassasat al-Risālat, hlm. 38.

a. Moral Manusia Dengan Allah.

Allah telah mengingatkan manusia tentang kecelakaan yang akan menimpa mereka sekiranya tidak dipelihara hubungan yang sebaik-baiknya antara manusia dengan Allah.

Firman Allah s.w.t yang bermaksud:

"Mereka ditimpakan kehinaan di mana sahaja mereka berada, kecuali jika mereka berpegang kepada tali Allah (Agama) dan tali (perjanjian) dengan manusia"³⁶

Walaupun ayat tersebut mengisahkan tentang orang Yahudi tetapi pengajarannya adalah ditujukan untuk semua umat manusia. Implikasi dari terpisahnya hubungan antara manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia ialah mereka akan ditimpakan kehinaan dan hilang maruah sama ada melalui peperangan atau penjajahan.³⁷

³⁶Ali 'Imrān. (3): 112.

³⁷Muhammad bin Ahmad al-Ansārī al-Qurtubī (1957), *Al-Jāmī' li Ahkām al-Qu'rān*. Juz. 4, Kāhērah: Dār al-Kutub al-Misriyyat, hlm. 174; Al-Fakhr al-Razi (1938), *Al-Tafsīr al-Kabīr*. Juz 8, Mesir: al-Matba'at al-Bāhiyat al-Misriyyat, hlm. 195, 196; Ismā'il bin Kathīr al-Qursyī (t.t), *Tafsīr al-Qu'rān al-'Azīz*. Juz. 1, Kaherah: Maktabat Zahrān, hlm. 397; Harun Din et. al. (1985), *Manusia Dan Islam*. Pulau Pinang: Dorong - UBS Sdn. Bhd. hlm. 200.

Kepatuhan kepada peraturan, dan akhlak mulia adalah manifestasi dari wujudnya keimanan kepada Allah s.w.t. Untuk menunaikan hak Allah, manusia perlu melakukan ibadat yang ditentukan. Tujuan ibadat ialah agar manusia mengetahui bahawa dirinya papa, lemah dan tidak berdaya melainkan dengan pertolongan Tuhannya. Apabila manusia sedar hakikat tersebut, mereka akan kenal Tuhannya yang bersifat Maha Sempurna itu.³⁸

Kezaliman dan kekufuran manusia pernah menakjubkan Tuhan sebagaimana firman-Nya dalam sebuah hadis Qudsi;

إِنَّ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ فِي نَبَاءِ عَظِيمٍ : أَخْلَقَ وَيَعْبُدُ
غَيْرَهُ وَأَرْزَقَ وَيَشْكُرُ سَوَاءً ! خَبَرَ إِلَى الْعَبَادِ
نَازَلَ وَشَرَهُمْ إِلَى صَاعِدٍ ! أَتَحَبُّ إِلَيْهِمْ بِنَعْمَتِي
وَأَنَا الْفَغْنَى عَنْهُمْ ، فَيَتَعَرَّضُونَ إِلَى بِالْمُعَاصِي
وَهُمْ أَفْقَرُ شَيْءٍ إِلَيَّ !

39

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya Aku, jin dan manusia adalah dalam satu keadaan yang ganjil; Aku yang mencipta segala-galanya tetapi yang lain disembah. Aku yang memberi

38 Yūsuf al-Qardāwī (1985), *Al-'Ibādat Fī Al-Islām*. cet. ke 17, Bērūt: Muassasat al-Risālat, hlm. 109.

39 *Ibid.*

rezeki tetapi yang lain disyukuri, rahmatku sentiasa turun kepada hamba-hambaku tetapi kejahatan mereka selalu naik kepadaku, dengan nikmat-nikmatku, Aku berbaik-baik dengan mereka sedangkan Aku terkaya, tidak memerlukan sesuatu daripada mereka tetapi mereka menentangku dengan perkara-perkara maksiat sedangkan mereka amat perlu kepadaku"

Untuk mewujudkan satu masyarakat yang harmoni, setiap individu perlu memastikan ikatan dan hubungan dengan Allah tidak terputus. Syarat ini dapat dipenuhi apabila manusia mengikatkan dirinya secara tetap untuk mentaati Allah s.w.t, sama ada dalam ibadat khusus ataupun dalam semua bentuk aktiviti sehari-hari. Allah s.w.t berfirman yang bermaksud:

"(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingat Allah semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi, (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau jadikan semua ini dengan sia-sia! Maha Suci Engkau! Peliharalah kami dari azab neraka"⁴⁰

b. Moral Manusia Sesama Manusia.

Hubungan manusia sesama manusia adalah menjadi salah satu dari lingkungan moral dalam Islam. Manusia telah

⁴⁰Ali 'Imrān (3): 191.

dijadikan Allah bersifat lemah, sebagaimana firman-Nya yang bermaksud:

*"Dan manusia itu dijadikan bersifat lemah"*⁴¹

Kelemahan manusia ini merupakan suatu realiti yang tidak dapat dinafikan. Ini menyebabkan mereka memerlukan satu sama lain. Walaupun seseorang itu kelihatan mempunyai banyak kelebihan tetapi dia tidak dapat melepaskan dirinya dari sifat semulajadi tersebut.

Apabila manusia menyedari hakikat kekurangan ini, mereka hendaklah berusaha mengatasinya. Golongan lemah memerlukan pertolongan dari yang kuat dan golongan kuat mestilah bersedia menghulurkan bantuan. Dalam menjalin hubungan sesama manusia, seseorang muslim itu dituntut mencurahkan kasih sayang kepada kelompok yang lebih luas, bukan hanya terbatas kepada diri, keluarga, sahabat-handai dan kaum-kerabat sahaja.⁴² Pertolongan perlu diberi berdasarkan hakikat bahawa segala yang ada di langit dan di bumi adalah ciptaan dan makhluk Allah yang perlu dilindungi dan di pelihara. Tanpa mengira darjat

⁴¹ *Al-Nisā'* (4): 28.

⁴² Muhammad 'Alī al-Hāsyimī (1983), *Shakhsiyyat al-Muslim*. Bēirūt: Dār al-Qur'ān al-Karīm, hlm. 254.

keturunan dan bangsa, setiap individu perlu bersedia membantu golongan yang kurang bernasib baik.⁴³

Setiap individu muslim harus mengakui kemuliaan manusia tanpa mengira agama, bangsa dan warna kulit. Kebebasan beragama adalah kehendak Allah semata-mata. Firman Allah yang bermaksud:

"Maka sesiapa yang mahu beriman hendaklah beriman dan sesiapa yang mahu kufur biarlah dia mengingkarinya"⁴⁴

Oleh itu mereka tidak boleh memaksa manusia seluruhnya menjadi orang-orang Islam. Mereka juga tidak boleh menghina orang-orang kafir kerana kekafirannya. Urusan ini hanya terserah kepada Allah s.w.t. Bagi umat manusia keadilan harus dilakukan walaupun terhadap orang yang melakukan dosa atau orang kafir. Sabda Rasulullah (s.a.w):

دُعَوَةُ الظَّلُومِ مُسْتَجَابَةٌ وَإِنْ كَانَ فَاجِراً

فَفَجُورُهُ عَلَى نَفْسِهِ .

⁴³ Siti Norlina bt. Hj. Muhammad (1993), "Darul Aitam: Sumbangan Terhadap Konsep Masyarakat Penyayang Di Negeri Kelantan". Kuala Lumpur: Fakulti Usuluddin Universiti Malaya, (Disertasi B.A), hlm. 51.

⁴⁴ Al-Kahfi (18): 29.

⁴⁵ Abī Abdullah al-Syaibāni (1993), op.cit., hlm. 56.

Yang bermaksud:

"Doa orang yang dizalimi itu akan dimakbulkan Allah sekalipun ia seorang yang jahat, maka kejahatannya itu adalah terpikul ke atas dirinya sendiri"

c. Moral Manusia Dengan Alam.

Alam adalah anugerah Allah yang berharga untuk manusia dan segala kehidupan di muka bumi ini. Manusia yang bebas melakukan apa sahaja dalam menjalankan tugas dan peranannya di dunia ini sering melakukan penyelewengan. Perbuatan ini akhirnya membawa kerosakan dan kemusnahan kepada diri mereka sendiri.⁴⁶

Pencemaran alam sekitar merupakan hasil pengabaian tauhid dan nafsu tamak manusia untuk menguasai alam. Mereka bersikap keterlaluan dalam mengeksplorasi sumber alam. Manusia menggunakan teknologi untuk pembangunan dan kemakmuran alam, tetapi adakalanya teknologi digunakan atas dorongan nafsu dan sikap negatif mereka. Sebagai contohnya, penebangan hutan secara berlebihan, pengeluaran asap tebal dari kilang, pembaziran sumber dan

⁴⁶ Ismail Hj. Ibrahim, "Sejauhmanakah Wawasan 2020, Menepati Kehendak Islam?" Kuala Lumpur: Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), (Kertas kerja dibentangkan dalam Kongres "Menjelang Abad 21: Islam dan Wawasan 2020, pada 3 - 4 Julai 1992), hlm. 64.

sebagainya. Firman Allah Taala yang membawa maksud:

"Berlakunya kerosakan di muka bumi dan lautan adalah disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan manusia"⁴⁷

Islam menggariskan beberapa petunjuk dalam menjaga alam sekitar. Contohnya, Islam mengajar bahawa membuang duri dan halangan di jalan sebagai salah satu dari cabang iman. Allah s.w.t. juga mengingatkan manusia agar menjaga amanah yang diberikan itu sebaik mungkin. Firman-Nya yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan"⁴⁸

Rasulullah (s.a.w) bersabda:

عرضت على أمي بأعمالها ، حسنها و سيئها:
فرأيت في محسن أعمالها الأذى ينحي عن الطريق
ورأيت في سي أعمالها النخاعنة في المساجد لا تدفن .⁴⁹

⁴⁷ *Al-Rūm* (30): 41.

⁴⁸ *Al-Qisāṣ* (28): 77.

⁴⁹ *Al-Kutub al-Sittah*, Jilid 18, *Sunan Ibn Mājah*. Juz. 2, hlm. 1214.

Yang bermaksud:

"Telah ditunjukkan kepadaku amal perbuatan umatku, sama ada baik atau buruk. Aku dapati di antara amalan kebaikan ialah membuang kotoran dari jalan dan di antara amalan buruk, membuang kotoran (hingus atau air liur) di masjid lalu tidak ditimbus"

Sekiranya membuang duri kecil dianggap satu tuntutan, maka sudah tentu membuang kotoran sisa toksid, asap, kotoran kilang dan lain-lain pencemaran ke tempat yang sepatutnya lebih dituntut demi menjaga kesejahteraan awam. Bagi menangani permasalahan alam sekitar ini, salah satu prinsip syariah yang paling utama boleh dijadikan panduan iaitu sabda Rasulullah s.a.w.:

50

لَا ضرر وَ لَا ضرار

Yang bermaksud:

"Tidak boleh merosakkan dan tidak boleh mengekalkan kerrosakan"

Ini bererti seseorang itu tidak boleh melakukan pemusnahan kepada sesuatu benda atau membiarkan kepincangan berlaku tanpa usaha pencegahan.

⁵⁰ Abī 'Abdullah al-Syaibānī (1993), op.cit. Juz. 6, hlm. 447.

Rasulullah juga mlarang umatnya daripada menganiayai binatang dan menyuruh mereka memastikan hak binatang dipenuhi.⁵¹ Pada zaman Saidina Umar, beliau telah menjatuhkan hukuman *ta'zir*⁵² kepada seorang yang menyembelih binatang dengan menggunakan pisau yang kurang tajam. Ini menunjukkan Islam menghormati hak binatang.

Saintis Barat suatu masa dahulu menganggap alam ini sebagai musuh. Manusia perlu menguasainya walaupun terpaksa memusnahkan alam. Mengikut pandangan Islam pula, alam dianggap sebahagian dari manusia. Oleh itu manusia perlu berkompromi dan menghormati apa yang ada di alam ini. Mereka mestilah menggunakan sumber alam mengikut jalan Tauhid; iaitu dengan mengelakkan pembaziran dan merasakan bahawa alam ini adalah amanah Allah kepada mereka.⁵³

⁵¹ Sa'īd Hawwā (1988), *Al-Islām*. cet. ke 2, Madinah: Dār al-Salām, hlm. 312.

⁵² *Ta'zir* ialah satu hukuman (sama ada dengan pukulan dan sebagainya) untuk membetulkan kesalahan yang dilakukan dan kebiasaannya ia tidak dikenakan sebarang denda. Sa'īd Abū Jaib (1988), *Al-Qāmūs Al-Fiqhiyyat, Lughat Wa Istilāhan*. Damsyik: Dār al-Fikr, hlm. 70.

⁵³ Syed Othman al-Habshi (1992), "Pencemaran Alam", *Utusan Malaysia*. 25 Jun 1992, hlm. 7.

Kesimpulannya, Islam amat menekankan ketiga-tiga aspek lingkungan moral: Allah, manusia dan alam agar manusia hidup dalam suasana tauhid, aman dan bahagia. Sumber-sumber alam yang berharga tidak boleh dimonopoli atau disalahgunakan. Ia mestilah diurus secara baik untuk kebaikan bersama. Setiap individu mempunyai hak dalam menggunakan nikmat Allah. Hasil persamaan hak ini, hubungan antara manusia sesama manusia akan menjadi bertambah kukuh. Islam juga menegaskan bahawa manusia perlu menghargai kehidupan dan tidak mengeksplotasikan sumber alam sewenang-wenangnya kerana ia berkait rapat dengan sikap menghormati apa saja makhluk Allah terutama yang ada disekitarnya.

3. Pembentukan Peribadi Menurut Islam.

Hasrat untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang bermoral tinggi tidak akan tercapai melainkan dengan membentuk individu-individu yang berteraskan Islam terlebih dahulu. Pembentukan individu muslim bertujuan untuk mengubah sikap kesukuan dan kebangsaan kepada manusia Islam yang bersatu padu. Mereka akan menghayati seluruh ajaran Islam disamping berusaha agar nilai-nilai

hidup Islam diamalkan oleh masyarakat manusia.⁵⁴

Mala petaka yang menimpa manusia hari ini adalah disebabkan kurangnya individu yang berperibadi mulia dalam masyarakat. Dengan terhapusnya dasar-dasar Islam yang berperikemanusiaan dari kehidupan mereka, maka berlakulah penindasan, pembunuhan, kezaliman dan kerosakan akhlak di kalangan mereka. Untuk menangani permasalahan ini, kekuahan jiwa dan nilai agama amat diperlukan. Ini akan membolehkan mereka mencapai kejayaan material dan rohani yang seimbang di mana kemajuan yang dicapai adalah seiring dengan nilai-nilai baik dalam kehidupan.⁵⁵

Umat Islam boleh mencapai tahap moral dan akhlak yang tinggi melalui kesedaran terhadap agama. Kesedaran ini pula mesti meningkat naik setaraf dengan pencapaian kebendaan. Sekiranya tidak ada keseimbangan di antara pembangunan ekonomi dengan peningkatan moral masyarakat, sesebuah negara itu tidak boleh dikira sebagai negara maju. Ini disebabkan kemajuan negara berkait rapat dengan kemajuan pemikiran rakyatnya.

⁵⁴Haron Din et.al., *op.cit.* hlm. 211.

⁵⁵Siti Norlina bt. Hj. Muhammad, *op.cit.* hlm. 60.

Pembentukan peribadi manusia dan pembangunan insan haruslah dirancangkan dengan sebaik-baiknya, supaya manusia dapat menggunakan pemikirannya untuk kebijakan dan kebaikan manusia sendiri, serta kemakmuran alam seluruhnya. Dasar penting yang ditentukan oleh Allah s.w.t kepada manusia dalam meningkatkan prestasinya sebagai pengurus alam ialah kesempurnaan peribadinya berpandukan nilai-nilai moral yang baik. Tanpa pegangan yang kuat kepada nilai-nilai tersebut, manusia akan mengalami kekecewaan dalam usaha mencipta sebuah masyarakat yang harmoni. Manusia yang memiliki ilmu pengetahuan yang tinggi, belum tentu berjaya membentuk masyarakat yang harmoni sekiranya ilmu itu tidak disertai dengan nilai-nilai moral berasaskan ajaran Islam.⁵⁶

Al-Quran dan hadis Rasulullah s.a.w mementingkan kualiti manusia yang berilmu, berfikiran tinggi dan positif, berpandangan jauh, berakhhlak mulia dan mementingkan keadilan serta kerjasama sesama saudara seIslam dan bukan Islam. Untuk itu, beberapa ciri penting dalam pembangunan insan perlu dilaksanakan

56 Ismail Hj. Ibrahim (1992), op.cit. hlm. 86.

berasaskan pemikiran, sikap, tanggungjawab, dan kerjasama sesama manusia. Antaranya:⁵⁷

a. Mengambil tauladan dan pengajaran daripada peristiwa sejarah, seperti jatuh bangunnya satu-satu umat dan sebab-sebab kekecewaan dan kegagalan mereka. Firman Allah yang bermaksud:

*"Katakanlah; Berjalanlah kamu di muka bumi, dan perhatikanlah bagaimana kesudahannya orang-orang terdahulu, kebanyakan mereka menyekutukan Tuhan"*⁵⁸

b. Sanggup mengorbankan jiwa dan harta benda untuk menegakkan ajaran Allah dan memperbaiki maruah serta kekuatan ummah. Allah berfirman yang membawa maksud:

*"Berangkatlah, sama ada kamu merasa ringan atau berat dan berjuanglah dengan harta dan dirimu di jalan Allah; Itu paling baik untuk kamu, kalau kamu mengetahui"*⁵⁹

57 Ismail Hj. Ibrahim (1994), "Dimensi Islam Dalam Wawasan 2020", Ismail Hj. Ibrahim dan Mohd. Sahni Abdul Rahman (ed.), *Ilmu dan Kecemerlangan Dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), hlm. 62.

58 *Al-Rūm* (30): 42.

59 *Al-Tawbah* (9): 41.

c. Sikap terbuka dan bersedia menerima perubahan yang sesuai dengan dasar umum Islam. Al-Qur'an menceritakan tentang sikap orang-orang kafir yang bermaksud:

*"Dan apabila dikatakan kepada mereka; "ikutilah apa yang diturunkan Allah!" Mereka menjawab; Tidak! Kami hanya mengikut apa yang kami dapat dari bapa-bapa kami. Biarpun bapa-bapa mereka sedikitpun tidak mengerti dan tidak pula menurut pimpinan yang benar"*⁶⁰

d. Mengetahui fungsi manusia sebagai khalifah dan hamba Allah serta amanah untuk mentadbir alam ini. Sebagai khalifah yang berperanan memakmurkan alam, manusia tetap harus tunduk kepada Allah. Mereka tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya. Firman Allah yang bermaksud:

*"Telah kelihatan kerosakan di darat dan di laut, disebabkan usaha tangan manusia, kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, supaya mereka kembali. (kepada kebenaran)"*⁶¹

e. Kesesuaian tenaga manusia dengan tugas dan tanggungjawabnya. Firman Allah yang membawa erti:

⁶⁰ *Al-Baqarah* (2): 170.

⁶¹ *Al-Rūm* (30): 41.

"Allah tidak memberati seseorang itu melainkan mengikut kemampuannya. Baginya (pahala) kebaikan yang diusahakannya dan diatasnya (dosa) kejahatan yang diperbuatnya"⁶²

f. Mengakui kekuasaan Allah sebagai al-Khaliq (pencipta) alam dengan segala hikmah yang terkandung di dalamnya untuk kebaikan umat manusia. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan di antara keterangan-keterangan (Kebesaran) Allah itu ialah menciptakan langit dan bumi dan membezakan bahasa dan warna kulitmu; sesungguhnya demikian itu menjadi keterangan bagi orang-orang yang mengetahui" ⁶³

g. Memahami tabiat kejadian manusia, serta mengakui hakikat perbezaan kepercayaan mereka. Manusia sebagai makhluk Allah yang unik mempunyai tabiat yang berbeza-beza dan tahap pemikiran yang tidak sama. Allah berfirman yang membawa erti:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya kami telah menciptakan kamu dari satu (pasangan) lelaki dan perempuan dan kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan berpuak-puak, supaya kamu berkenal-kenalan. Sesungguhnya orang

⁶²Ali 'Imrān (3): 286.

⁶³Al-Rūm (30): 22.

*yang paling mulia di kalangan kamu disisi Allah ialah orang yang paling taqwa, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam ilmunya*⁶⁴

h. Bersikap toleransi dan persefahaman sesama manusia dalam keadaan biasa. Firman Allah yang bermaksud:

*"Katakanlah kepadanya perkataan yang lemah lembut, mudah-mudahan dia menerima peringatan atau takut (kepada Tuhan)*⁶⁵

Tegasnya kemuliaan manusia dan kelebihannya daripada semua makhluk Allah yang lain, bergantung sepenuhnya kepada persediaan mereka untuk memiliki budi pekerti yang terpuji. Dalam hal ini, pembersihan diri dari keburukan akhlak serta meningkatkan keimanan sebagai insan kamil merupakan sendi utama untuk membentuk peribadi muslim yang sebenar.

B. MORAL GENERASI MUSLIM DI BAWAH TARBIAH RASULULLAH (S.A.W)

Tidak dinafikan bahawa Islam telah membawa banyak kesan dan perubahan di kalangan masyarakat Arab sama ada

⁶⁴ *Al-Hujurāt* (49): 13.

⁶⁵ *Tāhā* (20): 44.

Pembinaan generasi Islam bermula dengan pembinaan individu muslim, yang kemudiannya melahirkan keluarga muslim. Kumpulan keluarga muslim inilah yang akhirnya melahirkan masyarakat Islam yang memiliki sistem hidup tersendiri, berbeza dengan sistem hidup masyarakat jahiliah sebelumnya.⁶⁷

Firman Allah Taala yang bermaksud:

"Muhammad itu adalah utusan Allah dan orang-orang yang bersamanya adalah tegas terhadap orang-orang kafir, tetapi berkasih sayang sesama mereka; kamu lihat mereka ruku' dan sujud mencari kurnia Allah dan keredaanNya, tandatanda mereka nampak pada muka mereka dari bekas sujud"⁶⁸

Dengan kehadiran Islam, Rasulullah (s.a.w) telah bertindak menyatukan mereka bermula dari memperbaiki sistem kehidupan kekeluargaan dan seterusnya kepada kehidupan masyarakat seluruhnya. Dalam memperbaiki keadaan sosial masyarakat ini ia telah diasaskan oleh pertimbangan moral.⁶⁹ Melalui perasaan cinta-menyintai

⁶⁷Hilmy Bakar al-Mascaty, op.cit. hlm. 92.

⁶⁸Al-Fath. (48): 29.

⁶⁹Shaykh Muhammad Qutb (1994), "Asas Pembangunan Islam", Islam Dan Pembangunan. Persatuan Sains Sosial Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm. 7 - 10.

sesama anggota masyarakat, menghormati hak orang lain, mengambil berat kebijakan mereka, suasana keharmonian dapat diwujudkan.

1. Tarbiah Rasulullah (s.a.w) Membawa Perubahan Moral Yang Drastik.

Dalam rangka menjayakan risalahnya - membangun ummah dan tamadun yang unggul -Nabi Muhammad s.a.w telah melaksanakan program pembinaan kelompok teras yang menghasilkan terbentuknya ummah baru. Generasi tersebut telah mengalami transformasi radikal menerusi penghayatan nilai-nilai dinamik dari al-Qur'an. Baginda s.a.w adalah pemimpin dan pendidik yang cukup mengenali potensi para pengikutnya, lalu baginda memberikan galakan dan bimbingan yang secukupnya sehingga potensi-potensi itu dapat dikembangkan.⁷⁰

Dasar-dasar kemasyarakatan menjadikan orang Islam seperti saudara kandung. Kewajipan seseorang lebih tinggi daripada haknya. Rasulullah s.a.w telah berjaya

⁷⁰ Siddiq Fadil (1992), op.cit. hlm. 27.

membawa satu paradigma⁷¹ baru kepada masyarakat jahiliah, satu kefahaman mengenai kehidupan manusia yang jauh berbeza dari apa yang mereka amalkan sebelum ini. Melalui pengakuan "Tiada Tuhan Selain Allah" ini, kehidupan mereka dikembalikan kepada Allah s.w.t sepenuhnya.⁷²

Apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w adalah bertentangan dengan kepercayaan masyarakat Arab sebelum ini. Tidak satu pun tuhan-tuhan mereka itu diiktiraf oleh Islam. Sebaliknya Rasulullah s.a.w mengajak mereka beriman dengan hanya kepada satu Tuhan iaitu Allah s.w.t. Ini merupakan satu perubahan yang amat besar kepada sistem kepercayaan dan pegangan hidup masyarakat jahiliah. Bahkan perubahan yang berlaku kepada setiap individu yang beriman kepada Allah itu begitu ketara. Perubahan telah berlaku terhadap aqidah, sakhsiah dan sikap orang yang memeluk Islam. Mereka yang dahulunya bersifat angkuh, sompong, bongkak, degil dan suka bergaduh, telah bertukar menjadi manusia yang lemah

⁷¹Perkataan paradigma berasal dari bahasa Greek yang bermaksud suatu corak atau peta untuk memahami dan menjelaskan tentang keadaan sebenar. J.A. Simpson dan E.S.C. Weiner (1989), *The Oxford English Dictionary*. Edisi Kedua, Volum XI, Oxford: Clarendon Press, hlm. 183.

⁷²Sayyid Qutb, (1981), *op.cit.*, hlm. 55.

lembut, pemurah, penyayang, penyabar, cinta kepada saudara seagama dan jiran. Perubahan ini seolah-olah datang dengan cepat dan mendadak setelah mempercayai bahawa Tuhan Esa iaitu Allah 'al-Khalīq'.⁷³

Moral mulia yang dicernakan oleh Rasulullah s.a.w terhadap umat Islam pada masa itu adalah hasil dari bimbingan Allah s.w.t. Dalam memenuhi misi ini, baginda s.a.w sendiri menunjukkan contoh yang terbaik dan membuktikan bahawa baginda s.a.w telah dididik oleh Allah seperti sabdanya:

أَدْبَنِي رَبِّي فَأَحْسِنْ تَأْدِيبِي .
74

Yang bermaksud:

"Allah telah mendidikku, maka aku telah mempunyai adab yang elok"

⁷³ Syed Othman al-Habshi, "Islam Dan Pembangunan Ekonomi Di Malaysia: Satu Perubahan Paradigma", Kuala Lumpur: Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) (Kertas Kerja dibentang dalam Kongres Menjelang Abad 21: Islam Dan Wawasan 2020 pada 3 - 4 Julai 1992), hlm. 177.

⁷⁴ Al-Imām al-Hāfiẓ Shamsuddīn Abī al-Khair Muhammad bin 'Abdul Rahmān al-Sikhāwī (1979), *Al-Maqāṣīd al-Hasanat*. 'Abdullah Muhammad al-Siddīq (editor), Bēirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyāt, hlm. 504.

Rasulullah s.a.w telah mengangkat generasi pertama umat Islam daripada jurang keruntuhan akhlak kepada kecemerlangan akhlak Islam. Baginda s.a.w mengajar manusia segala prinsip moral dengan jelas dan lengkap. Ia menjelaskan bahawa segala bentuk kelakuan yang tidak baik mesti digantikan dengan yang baik. Kelakuan baik ini pula mestilah digalakkan, dikembang dan dilaksanakan dalam masyarakat.⁷⁵ Sifat-sifat mulia itu ditanam oleh Rasulullah s.a.w di kalangan sahabatnya melalui tingkahlaku yang baik sebelum ditanam dengan kata-kata nasihat dan tunjuk ajar. Diriwayatkan dari Anas, katanya:

إِنْ كَانَتِ الْأُمَّةُ لَتَأْخُذُ بِيَدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَتَنْطَلِقُ
بِهِ حِيثُ شَاءَتْ ، وَكَانَ إِذَا اسْتَقْبَلَهُ الرَّجُلُ فَصَافَحَهُ لَا يَتَرَعَّ
يَدَهُ حَتَّى يَكُونَ الرَّجُلُ يَتَرَعَّ بِيَدِهِ . وَلَا يَصْرُفُ وَجْهَهُ عَنْ وَجْهِهِ
حَتَّى يَكُونَ الرَّجُلُ هُوَ الَّذِي يَصْرُفُهُ ، وَلَمْ يَرْ مَقْدِمًا رَكْبَتِيهِ بَيْنَ
يَدِي جَلْسَ لَهُ .

76

⁷⁵ Afzalur Rahman, *op.cit.*, hlm. 227; Mohd. Mokhtar bin Shafie (1985), "Sirah al-Rasul s.a.w: Satu Penelitian Dalam Konteks Harakah", *Islamika III*, Lutfi Ibrahim (ed.), Kuala Lumpur: Muzium Negara dan Jabatan Pengajian Islam UM, hlm. 63.

⁷⁶ Al-Hāfiẓ Abī ‘Abdullah Muhammad bin Yazīd al-Qazwīnī (t.t), *Sunan Ibnu Mājah*. Muhammad Fuad ‘Abdul Bāqī (editor), Juz. 2, Bērūt: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, hlm. 1224.

Yang bermaksud:

"Bahawa Rasulullah (s.a.w) membiarkan tangannya dipegang oleh budak perempuan kecil dan membiarkan tangannya diheret oleh budak itu, ke mana yang disukainya. Apabila baginda ditemui oleh seseorang, baginda bersalam dengannya dan tidak akan menarik tangannya melainkan selepas orang itu menarik tangannya dan baginda tidak akan memaling mukanya dari orang itu melainkan setelah orang itu memaling mukanya dari baginda dan tidak pernah dilihat bahagian depan kedua-dua lutut baginda oleh mereka yang duduk bersamanya"

Oleh itu Allah s.w.t menggesa umat Islam agar mencontohi moral baginda s.a.w yang mulia sebagaimana firman-Nya yang bererti:

"Sesungguhnya pada rasul Allah (Muhammad) ada ikutan yang baik bagimu, iaitu bagi orang yang mengharapkan (pahala) Allah dan hari akhirat serta ia banyak mengingati Allah"⁷⁷

Masyarakat Arab yang menerima Islam pada masa itu dapat mempraktikkan Islam dalam hidup mereka berpandukan peribadi baginda s.a.w. Dengan penerimaan itu, mereka telah mengubah cara hidup kepada yang lebih baik, sehingga kelihatan seolah-olah mereka mempunyai akhlak yang baru.

⁷⁷ Al-Ahzāb (33): 21.

Masyarakat Arab yang dahulunya menyembah berhala telah tunduk menyembah Allah dan gigih mempertahankan akidah barunya. Kalau dahulu mereka menghukum sesuatu perkara dengan pedang tanpa berfikir panjang dan mempertahankan saudaranya yang zalim kini mereka berubah menjadi seorang yang tenang, tidak mempertahankan kebatilan walaupun ke atas dirinya sendiri. Sebelum Islam mereka menggunakan kekuatan sebagai undang-undang mereka tetapi selepas Islam, mereka tunduk patuh kepada peraturan dan hukum-hukum Islam. Abu Bakar telah meringkaskan undang-undang baru ini dalam khutbahnya sebaik sahaja dilantik sebagai khalifah dengan katanya;

الضعيف فيكم قوى عندى حتى أخذ له حقه
والقوى فيكم ضعيف عندى حتى أخذ الحق منه

78

Yang bermaksud:

"Orang yang lemah di kalangan kamu adalah kuat disisiku, sehingga dia berhak mengambil haknya. Dan orang yang kuat di kalangan kamu adalah lemah disisiku sehingga diambil hak orang lain daripadanya"

78 Ahmad Shalabī (1980), *Al-Mujtama' al-Islām*. Juz. ke 6, "Mausū'at al-Nizām Wa al-Hadārat al-Islāmiyyat", cet. ke 5, al-Qāhērah: Maktabat al-Nahdat al-Misriyyat, hlm. 38 -40.

⁹
Al-Tobari menceritakan;

"Apabila kaum muslimin masuk ke beberapa buah bandar dan menghimpunkan harta rampasan perang, datanglah seorang lelaki bersama satu bekas kecil mengandungi permata yang tinggi nilainya. Dia menyerahkan kepada penjaga harta ghanimah. Penjaga dan orang-orang yang berada di sampingnya merasa kagum terhadap isi kandungan bekas kecil itu, lalu berkata; Betapa jauhnya nilai barang yang diperolehinya berbanding apa yang telah kita kumpulkan hari ini. Mereka bertanyakan lelaki itu; Adakah kamu ambil sesuatu dari bekas ini? Jawabnya; Demi Allah! kalau tidak kerana takutkan Allah, aku tidak serahkan kepada kamu. Mereka bertanya lagi; Siapa kamu? Jawabnya; Demi Allah! Aku tidak akan memberitahu kamu untuk mendapatkan pujian kamu. Tetapi aku bersyukur kepada Allah dan berpuashati dengan ganjarannya"⁷⁹

Selepas menerima Islam orang Arab telah mengharamkan pada diri mereka apa yang diharamkan oleh al-Quran. Mereka tidak lagi mengahwini ibu-ibu mereka, anak-anak dan ibu-ibu saudara mereka. Semasa zaman jahiliah, apabila seorang lelaki meninggal dunia atau menceraikan isterinya, maka anak lelaki sulungnya berhak ke atas bekas isteri bapanya, sekiranya beliau berhajat kepada bekas isteri bapanya itu. Sekiranya dia tidak berhajat,

⁷⁹ Abu Ja'far Muhammad bin Jarīr al-Tabarī (t.t), *Tārīkh al-Umam Wa al-Muluk*, Juz. 4, Mesir: Matba'at al-Husainiyyat al-Misriyyat, hlm. 176.

saudara lelaki yang lain boleh mengahwini janda tersebut dengan mahar baru.⁸⁰

Keimanan terhadap ajaran Islam pada masa itu menjadi faktor pendorong kepada pentarbiahan jiwa, dan bersikap berani dalam menegakkan kebenaran. Dengan jiwa yang penuh keimanan, Ma'iz bin Malik al-Aslami telah mengaku berzina dan reda dengan hukuman rejam demi menyucikan diri dari sebarang dosa. Dengan keimanan tersebut juga timbulnya rasa tanggungjawab, amanah, takutkan Allah samada terang atau sembunyi, perasaan mulia di hadapan raja dan rendah diri di hadapan orang lemah serta sanggup berkorban apa sahaja untuk mendapat keredaan Allah.⁸¹

Sabda Nabi s.a.w:

يأيهـا النـاس إـن اللهـ قد أـذهب عـنكـم نـخـوة الـجـاهـلـية
وـتـعـظـمـهـا بـآـبـائـهـا . فـالـنـاس رـجـلـان : رـجـل بـرـقـى كـرـيمـ
عـلـى اللهـ تـعـالـى وـرـجـل فـاجـر شـقـى هـيـن عـلـى اللهـ تـعـالـى
لـيـس لـعـربـي عـلـى عـجمـى فـضـل إـلا بـالـتـقـوى .

82

⁸⁰ Abū al-Fath al-Syahrastāni (1968), Al-Milal Wa al-Nihāl. Juz. 3, Abd. al-'Azīz Muhammad al-Wakīl (ed.), Kaḥerah: Muassasat al-Halabī, hlm. 90.

⁸¹ Wahbat al-Zuhailī (1993), Nizām al-Islām, cet. ke 2, Bēirūt: Dār Qutaibat, hlm. 38.

Yang bermaksud:

"Wahai manusia, sesungguhnya Allah telah menghapuskan daripada kamu segala kemegahan jahiliah dan pengagongan nenek moyangnya. Sesungguhnya manusia itu terbahagi kepada dua; seorang lelaki yang baik, bertakwa dan memuliakan Allah dan lelaki yang jahat, melakukan dosa dan mengambil mudah terhadap urusan Allah. Tiada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang Ajam melainkan takwa"

2. Metod Rasulullah s.a.w Dalam Melaksanakan Pendidikan Moral.

Dalam proses mendidik moral masyarakat, Rasulullah s.a.w telah menampilkan beberapa pendekatan. Di antara aspek yang ditekankan ialah:⁸³

a. Ilmu.

Moral yang mulia, lahir daripada ilmu yang dimiliki, Oleh itu Rasulullah s.a.w amat menggalakkan umatnya menuntut Ilmu dengan menghabarkan kelebihan yang dijanjikan Allah. Firman Allah yang bermaksud:

⁸² Al-Imām al-Hāfiẓ Abī Daūd Sulaimān bin al-Asy'ath al-Sajastānī al-Azdī (t.t) *Sunan Abī Daūd*. Jil. 4. Dār Ihya' al-Sunnat al-Nabawiyyat, hlm. 331.

⁸³ 'Alī Abdul Halīm Mahmūd (1994), *Tarbiyat al-Nāsyī' al-Muslim*. cet. ke 3, Mesir: Dār al-Wafā', hlm. 216.

"Allah mengangkat orang-orang yang beriman di kalangan kamu dan orang-orang yang dikurniakan ilmu dengan beberapa darjat. Dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan"⁸⁴

Apabila seseorang itu berilmu, keyakinannya terhadap kebesaran Allah lebih mendalam. Dengan itu mereka merasa takut kepada hari akhirat dan sentiasa mengharapkan rahmat Allah. Ini berlainan dengan mereka yang tidak mengingati Allah melainkan sewaktu menghadapi kesusahan kerana mereka tidak mengambil peringatan terhadap apa yang berlaku. Allah berfirman yang bermaksud:

"Katakanlah: Adakah sama orang-orang yang berilmu pengetahuan dengan orang-orang yang tidak berilmu? (Tentu tidak). Hanya yang menerima peringatan ialah orang-orang yang berakal"⁸⁵

Ilmu, proses pembelajaran dan pengajaran merupakan perkara yang menyucikan akhlak dan membersihkannya daripada kejahilan dan sifat individualistik. Ilmu berperanan membetulkan akhlak. Pemeliharaan akhlak yang membawa kepada penjagaan masyarakat tidak akan terhasil melainkan melalui ilmu. Ilmulah yang menerangkan kepada manusia bahawa sesuatu itu wajib, harus, makruh dan

⁸⁴ *Al-Mujāalah* (58): 11.

⁸⁵ *Al-Zumar* (39): 9.

haram. Bahkan perasaan takutkan Allah dan ingin memperelokkan budi pekerti adalah terhasil di kalangan orang yang berilmu, sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang takutkan Allah di kalangan hambanya adalah para ulama"⁸⁶

b. Akidah.

Moral Islam mestalah didasarkan kepada akidah yang betul. Tiang kepada akidah ini ialah pengucapan dua kalimah syahadah "أشهد أن لا إله إلا الله وأشهد أن محمدا رسول الله" (Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan Nabi Muhammad pesuruh Allah). Manusia sebagai makhluk Allah semestinya mengenal diri dan mengagongkan Penciptanya. Segala kegiatan hidupnya adalah bagi memperolehi keredaan Allah semata-mata.⁸⁷ Akidah tauhid ini kemudiannya diikuti dengan keimanan kepada para malaikat kitab-kitab Allah, para Rasul Allah, hari akhirat serta qada' dan qadar.

⁸⁶ *Fatir* (35): 28.

⁸⁷ Aziz Deraman (1987), "Kebudayaan Islam Malaysia". Abdul Latif Abu Bakar (ed.) *Kebudayaan Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Biro Pendidikan UMNO Malaysia, hlm. 107.

Pendirian dan pemikiran yang berteraskan kepercayaan tauhid semestinya mendorong kepada objektif yang direndai Allah dan bebas dari runtunan hawa nafsu. Konsep kemajuan yang diresapi oleh akidah tauhid akan membentuk peribadi dan pendekatan hidup yang tidak terpedaya dengan keduniaan, kehendak material dan desakan maksiat. Sebaliknya peribadi ini berfungsi menegakkan kebenaran, berakhhlak dan berhemah tinggi dalam pengurusan diri dan masyarakat serta sentiasa mengharapkan keredaan Allah.⁸⁸

Pembinaan akidah yang mantap yang dicernakan oleh Rasulullah dalam kehidupan umat Islam ini merupakan asas yang kukuh untuk membina akhlak Islamiah. Akhlak yang mengenepikan asas akidah yang benar adalah akhlak yang lemah yang hanya mementingkan kebahagiaan di dunia daripada kebahagiaan di akhirat. Keadaan ini tidak dapat menjamin keamanan masyarakat.

Sheikh Abdul Qadir al-Jilani telah menasihati kaum muslimin dengan katanya:

*"Sekiranya kamu inginkan kemenangan,
maka berjanjilah pada dirimu untuk
bermuafakat dengan Allah (s.w.t) dan
sentiasa taat kepadanya serta tidak*

⁸⁸ Mohamad Abu Bakar (1991), "Konsep Kemajuan Dan Komitmen Kehidupan Muslim", *Islamika IV*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House, hlm. 231.

*tunduk kepada apa-apa yang memaksiati Allah. Selagi kamu sukaan dunia, kamu tidak akan kenal akhirat. Penguasa dan orang yang dikuasa tidak akan bersama sebagaimana tidak bersama dunia dan akhirat. Dengan itu pencipta dan orang yang dicipta tidak akan berkumpul selagi jiwanya dipenuhi dengan nafsu ammarah kearah kejahatan.*⁸⁹

c. Ibadat.

Ibadat merupakan tindakan setiap hamba Allah meliputi segala gerak kerja lahiriah bagi menunaikan suruhan Allah s.w.t. Ibadat yang dimaksudkan termasuklah sembahyang, puasa, zakat, haji dan semua perbuatan demi untuk kepentingan sosial.⁹⁰

Tujuan utama ibadat ini ialah untuk menunaikan hak Allah. Melalui pelaksanaan ibadat, manusia mengetahui bahawa dirinya papa, lemah, tiada daya dan kekuatan melainkan dengan pertolongan TuhanYa.⁹¹ Ini akan

⁸⁹ Abd. al-Qādir al-Jīlānī (t.t), Al-Fath al-Rabbānī. Mesir: Muṣyrikat Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī Wa Aulāduhu, hlm. 138.

⁹⁰ Abu al-A'la al-Maudūdī (t.t), Mabādī al-Islām. Bērūt: Muassasat al-Risālat, hlm. 78.

⁹¹ Yūsuf al-Qardāwī (1985), op.cit. hlm. 116.

menambahkan keimanan terhadap kewujudan dan kebesaran Allah serta mempraktikkan sifat-sifat mulia.⁹²

Ibadat bagi orang mukmin menjadi sebahagian daripada akhlaknya kerana ibadat merupakan kesyukuran hamba terhadap nikmat-Nya, pengakuan terhadap belas kasihan Allah, serta meletakkan kemuliaan dan penghormatan. Dalam menanam konsep ibadat di jiwa umat Islam, Rasulullah (s.a.w) telah mengingatkan mereka bahawa ibadat-ibadat yang difardukan itu adalah merupakan satu latihan yang berterusan untuk membiasakan mereka hidup dengan budi pekerti atau moral Islam.

Sembahyang, puasa, zakat, haji serta lain-lain suruhan Islam merupakan sumber kebersihan yang mengawal serta meningkatkan kehidupan. Dengan mematuhi perintah-perintah Allah dalam perkara-perkara ibadat, ia telah menzahirkan *ubudiyah* kepada Allah. Hasil dari ibadah yang benar ini, akan mendidik dan membaiki jiwa, membersih hati dan membetulkan akhlak.

⁹²Abdul Jalil Hj. Mohd. Hassan (1985), "Kesejahteraan Rohani Dan Kesihatan Jasmani Dalam Islam", Lutfi Ibrahim (ed.), op.cit., hlm. 151.

d. Konsep halal dan haram.

Psikologi manusia sendiri sentiasa bertarung antara kebenaran dan kebatilan. Oleh itu nafsu manusia perlu dikawal agar ia tidak dikuasai oleh sifat kebatilan. Untuk mengawalnya, ia memerlukan petunjuk syarak dalam menentukan baik-buruknya (halal dan haram).⁹³

Ketakwaan seseorang hamba boleh meletakkan dirinya menjauhi yang haram dan menerima yang halal.⁹⁴ Pentarbiahan akhlak Rasulullah s.a.w melalui cara ini ialah dengan memperkenalkan perkara-perkara halal dan menggalakkan perlaksanaannya di samping menunjukkan perkara-perkara haram dan mencegah melakukannya. Konsep ini memberikan sumbangan yang baik dalam membersihkan diri individu dan masyarakat daripada perkara yang boleh merosakkan kehidupan mereka. Nabi (s.a.w) telah bersabda.

كسب الحلال فريضة على كل مسلم .

⁹³ 'Alī Abd al-Halīm Maḥmūd, *op.cit.* hlm. 238.

⁹⁴ Anwār al-Jundī (1985), *Sumūm al-Istisyrāq Wa al-Mustasyriqīn*.cet. ke 2, Beirut: Dār al-Jail, hlm. 161.

⁹⁵ Abī al-Khair Muhammād bin 'Abd al-Rahmān al-Sikhāwī, *op.cit.* hlm. 499.

Yang bermaksud:

"Menuntut perkara yang halal itu adalah wajib ke atas setiap orang Islam"

Apabila seseorang muslim itu beriltizam meninggalkan perkara haram, ia merupakan satu pendidikan yang baik dalam membentuk akhlaknya. Sekiranya seseorang Islam itu melanggar batas halal dan haram, mereka akan menanggung bencananya sama ada di dunia maupun di akhirat.⁹⁶

e. Rasulullah s.a.w Sebagai Qudwah.

Keperibadian Nabi Muhammad s.a.w bukanlah terbentuk secara kebetulan, tetapi telah ditentukan Allah sejak dari mula lagi. Apabila seseorang itu menjadikan Rasulullah s.a.w sebagai ikutan, ia akan menghindarkan dirinya daripada terjerumus kepada perkara-perkara yang dimurkai Allah dan mendekatkan diri kepada perkara yang direndai-Nya.

Budi pekerti yang mulia tidak boleh ditegakkan dalam sesuatu masyarakat dengan ajaran-ajaran Islam atau dengan suruhan dan larangan semata-mata, sebaliknya ia

⁹⁶Abū al-A'lä al-Maudüdī (t.t), *Nahnu Wa al-Hadārat al-Gharbiyyat*. Beirut: Muassasat al-Risālat, hlm. 231.

memerlukan bimbingan yang lama dan pengawasan yang rapi. Dalam hubungan ini, Rasulullah s.a.w adalah contoh utama di kalangan para sahabatnya. Sifat-sifat mulia yang ditanam oleh Rasulullah s.a.w kepada para sahabatnya adalah melalui tingkahlakunya yang baik, nasihat dan tunjuk ajar.

Setiap muslim dituntut agar menjadikan Rasullullah s.a.w sebagai ikutan dalam berakh�ak kerana *qudwah* (ikutan) itu adalah antara metod dalam mendidik akhlak. Tambahan pula baginda s.a.w adalah seorang yang *ma'sum*.⁹⁷ Sesiapa yang membentuk cara hidup mengikut acuan Rasulullah s.a.w, maka ia akan menjadi sumber kebahagiaan untuk dirinya dan masyarakat.

f. *Amar Ma'ruf Nahi Munkar*

Konsep menyeru kepada kebaikan dan menghalang perkara mungkar ini adalah satu nilai akhlak yang tinggi yang diwajibkan oleh Islam ke atas setiap muslim dan muslimah. Ia juga merupakan satu tuntutan agama yang

⁹⁷

'Alī Abd. al-Halīm Mahmūd, *op.cit.* hlm. 245.

paling besar selepas beriman kepada Allah.⁹⁸ Allah s.w.t telah berfirman yang membawa maksud:

*"Kamu adalah sebaik-baik ummah yang diutuskan kepada manusia agar menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran serta beriman kepada Allah"*⁹⁹

Sesuatu kemungkaran itu apabila dibiarkan berluasa, maka ia akan menggalakkan lebih ramai manusia melakukannya sama ada golongan tua atau muda. Apabila situasi sebegini berlaku, kemungkaran itu akan lebih sukar untuk dicegah. Jiwa manusia juga akan menjadi lebih buruk dan mereka tidak lagi merasakan kemungkaran yang dilakukan itu adalah satu dosa, sebaliknya menganggap itu adalah satu kebaikan untuk dirinya. Oleh itu individu muslim yang ingin berakhlik dengan akhlak Islam, sudah semestinya turut menyeru orang lain agar melakukan kebaikan dan mencegah mereka daripada kemungkaran. Pengabaian terhadap konsep ini akan dilaknati Allah dan akan membawa bencana kepada masyarakat.¹⁰⁰

⁹⁸Abū Bakr Jabīr al-Jazā'irī (1979), *Minhāj al-Muslim*. al-Kaherah: Maktabat al-Kuliyyat al-Azhariyyat, hlm. 70.

⁹⁹Ali 'Imrān (3): 110.

¹⁰⁰Sa'īd Hawwa (t.t), *al-Mustakhlis Fī Tazkiyat al-Anfus*. cet. ke 2, Bēirūt: Dār al-Salām, hlm. 31.

Kesimpulannya, ajaran al-Qur'an yang diasas dan dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w di Mekah dan di Madinah dalam usahanya untuk membina dan menyelesaikan masalah manusia dalam kerohanian, kebendaan dan kemasyarakatan adalah jelas terlaksana dalam kehidupan. Kemampuan Nabi s.a.w menyelesaikan masalah masyarakat bukan hanya terbatas kepada masyarakat Islam sahaja malah turut juga memberi penyelesaian kepada golongan bukan Islam yang tunduk dan patuh kepada pimpinannya. Rasulullah s.a.w adalah seorang pemimpin agung yang tidak memisahkan antara kepimpinan negara dan agama, spiritual dan kebendaan.

C. MASALAH MORAL DAN RAWATANNYA MENURUT PENDEKATAN TOKOH-TOKOH AKHLAK

Suatu perkara yang sering dibincangkan hari ini ialah tentang kemerosotan moral dan disiplin masyarakat. Situasi ini menunjukkan seolah-olah semakin tinggi pencapaian teknologi manusia, semakin merosot nilai-nilai moral, kerohanian dan disiplin masyarakat. Kemajuan kebendaan sering mengorbankan kemajuan moral dan kerohanian kerana dalam mengejar kemajuan kebendaan, manusia sering menganggap hukum-hukum, nilai-nilai dan norma keagamaan sebagai penghalang kemajuan.

Elemen perosak masyarakat adalah satu fenomena yang universal. Kalau berbeza pun hanya dari sudut tahap kemerosotan dan besar atau kecil bilangan individu yang terlibat dalam aktiviti yang merosakkan.¹⁰¹ Oleh itu setiap individu perlu meneliti perjalanan sejarah umatnya dalam usaha memperbaiki kepincangan yang berlaku dalam masyarakat hari ini. Menelaah sejarah adalah salah satu faktor terpenting dalam membentuk peribadi seseorang di samping dapat memahami keadaan umat itu sendiri. Seseorang itu tidak akan dapat merasakan keterikatannya dengan umat kecuali setelah dia meneliti sejarah umatnya.¹⁰²

Menurut Ziaudin Sardar, masa hadapan tamadun Islam banyak bergantung kepada sejarah dahulu dan kini. Perancangan untuk masa hadapan memerlukan suatu analisis terhadap pengalaman-pengalaman masa lalu dan mengambil kira juga pengalaman-pengalaman masa kini.¹⁰³ Apabila ditinjau realiti masyarakat hari ini, satu pendekatan yang efektif dan signifikan amat diperlukan. Masalah-masalah moral seperti jenayah yang berleluasa, institusi

¹⁰¹ Ibrahim Abu Bakar (1990), *op.cit.* hlm. 192.

¹⁰² Sa'īd Hawwā (1979), *Jund Allah Thaqāfat Wa Akhlāqā*. cet. ke 3, Bēirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, hlm. 140.

¹⁰³ Ziauddin Sardar (1988), *The Future Of Muslim Civilization*. Petaling Jaya, Pelanduk Publications, hlm. 16.

keluarga yang rapuh, pegangan agama yang berkurangan memerlukan satu panduan dan perawatan secara Islam. Ini tidak dapat lari dari mengkaji pendekatan oleh tokoh-tokoh moral Islam dalam menghadapi kegawatan moral masyarakat pada zamannya iaitu zaman terputusnya wahyu dan bimbingan terus dari Allah dan Rasul-Nya. Disini, akan dibincangkan tentang pendekatan 3 orang tokoh moral Islam yang terkemuka iaitu Ibnu Miskawayh, al-Ghazali dan Jamaluddin al-Afghani secara terperinci:

1. Ibnu Miskawayh (330H-421H/939M-1030M)

Beliau ialah Abu 'Ali al-Khazin, Ahmad bin Muhammad bin Yaa'qub.¹⁰⁴ Terkenal dengan gelaran Ibnu Miskawayh. Beliau adalah seorang muslim berketurunan Parsi, bekas penganut agama Majusi. Riwayat hidup beliau kurang diketahui kerana tidak ada buku-buku rujukan lengkap yang membincangkan sejarah hidup beliau.¹⁰⁵ Kehidupan beliau hanya disebut secara tidak langsung dalam beberapa buah buku. Ibnu Miskawayh adalah seorang sasterawan di

¹⁰⁴H. Endang Saifuddin Anshari (1986), *Wawasan Islam: Pokok-pokok Fikiran Tentang Islam Dan Ummatnya*. Edisi 2, Jakarta: V. Rajawali, hlm. 148.

¹⁰⁵Al-Bārōn Kārrā Dō Pō (1979), *Mufakkirū al-Islām*. 'Ādil Zu'aitir (penterj.) Bēirūt: al-Dār al-Muttaḥidat Li al-Nashr, hlm. 105.

samping terkenal sebagai seorang ahli falsafah dan ahli etika.¹⁰⁶

Mengikut sebahagian besar pengkaji, beliau telah dilahirkan di daerah 'al-Ray' di bahagian selatan Negeri Parsi, pada tahun 330H (939M) dan meninggal dunia pada tahun 421H (1030M). Ini bermakna beliau hidup dalam masa pemerintahan kerajaan Bani Buwaihi yang memerintah di antara tahun 320H (929M) hingga tahun 447H (1056M).¹⁰⁷ Ibnu Miskawayh merupakan antara ulama yang banyak memberi sumbangan dalam bidang moral.¹⁰⁸ Dalam pemikiran Islam, perbincangan tentang moral tidak lengkap sekiranya tidak disebut pandangan beliau.

Dalam mengatasi masalah moral di kalangan masyarakat pada zaman itu, Ibnu Miskawayh telah mengemukakan satu etika tentang contoh hidup yang tinggi dan murni sebagai hamba Allah. Beliau telah mengarang beberapa buah buku, risalah dan makalah yang membincangkan tentang hakikat

¹⁰⁶ Osman Hj. Khalid (1988), *Pengenalan Buku-buku Utama Islam*. Kuala Lumpur: al-Rahmaniah, hlm. 171.

¹⁰⁷ *Ibid.*, hlm. 172-173.

¹⁰⁸ Al-Bārōn Kārrā Dō Pō (1979), *op.cit.* hlm. 105; Al-Doktōr Ahmad Mahmūd Subhī (1983), *Al-Falsafat al-Akhlāqiyyat 'Fī al-Ŷikr āl-Islāmī*. cet. ke 2., Kaherah: Dār al-Ma'ārif, hlm. 310.

jiwa manusia dan persoalan moral, antaranya ialah;¹⁰⁹

- *Al-Fawz al-Asghar*. (buku-masih ada dan telah diterbitkan)
- *Tartib al-Sa'ādat* (buku)
- *Tahdhīb Al-Akhlāq* (buku-masih ada dan telah diterbitkan)
- *Tahārat al-Nafs* (Makalah-masih dalam tulisan tangan dan ada di Istanbul).

Menurut Ibnu Miskawayh, moral merupakan faktor utama yang menjamin kesejahteraan masyarakat. Moral amat penting dalam diri seseorang bagi memperbaiki dirinya dan masyarakat. Beliau berpendapat bahawa moral yang baik dapat dihasilkan melalui usaha setiap individu di samping latihan dan didikan tertentu. Setiap individu juga harus tahu hakikat jiwa manusia, apa itu jiwa, dari apakah ia dijadikan, dan kenapa ia dijadikan pada diri manusia.¹¹¹

Beliau juga mengatakan seseorang individu tidak dapat mempraktikkan moral yang baik secara menyeluruh sekiranya beliau tinggal keseorangan, kerana kehidupan

¹⁰⁹ Abdurrahman Badawi (1985), *Para Filosof Muslim*. M.M Sharif (editor), Bandung: Penerbit Mizan, hlm. 84.

¹¹⁰ *Ibid.* hlm. 85.

¹¹¹ Ahmad Ibn Miskawayh (1961), *Tahdhīb al-Akhlāq*. Bērūt: Dār Maktabat al-Hayāt, hlm. 5.

bermasyarakat menuntut sikap tolong menolong, berlemah lembut dan berkasih sayang sesama manusia.¹¹² Ibnu Miskawayh juga berpendapat bahawa matlamat utama setiap agama adalah untuk melahirkan moral mulia. Ini tidak akan terhasil, melainkan apabila setiap individu percaya bahawa agama adalah sesuatu yang perlu untuk jiwa.¹¹³

Menurut Ibnu Miskawayh, realitinya, manusia yang berperibadi baik secara semulajadi, jumlahnya adalah sedikit, manakala yang kurang baik secara tabie jumlahnya amat ramai. Di antara kedua golongan ini ada juga yang bersikap sederhana. Golongan ini akan berubah melalui cara bersahabat dengan orang-orang baik yang menasihati mereka ke arah kebaikan atau bersahabat dengan orang-orang jahat yang mengajak mereka melakukan kejahatan.¹¹⁴ Pendapat beliau ini sama dengan seorang ahli Sufi, Mumsyad al-Dinwari.¹¹⁵

¹¹² Ahmad Syalabi (1978), *Al-Fikr Al-Islāmī Wa Manābi'uhu Wa Atharuhu*. Jil. 2, "Mausū'at al-Nizām Wa al-Hadārat al-Islāmiyyat", cet. ke 7, Kāhērah: Maṭbat al-Nahḍat al-Misriyyat, hlm. 180.

¹¹³ *Ibid.*

¹¹⁴ Ahmad Ibnu Miskawayh (1961), *op.cit.* hlm. 37.

¹¹⁵ Mumsyad al-Dinwārī telah berkata: "Berkawan dengan orang baik akan meninggalkan kebaikan dalam hati dan berkawan dengan orang jahat akan meninggalkan kejahatan dalam hati" Ibn al-Jawzī (1986), *Sifat al-Sofwat*. Jil. 4, cet. ke4, Bēirūt: Dār al-Ma'rifat, hlm. 78.

Ikatan persahabatan bagi Ibnu Miskawayh adalah satu perkara yang suci dan bermanfaat bagi manusia. Orang yang baik adalah sahabat bagi dirinya sendiri dan juga untuk orang lain. Dia tidak akan mempunyai musuh kecuali orang yang jahat. Orang yang bahagia adalah orang yang mempunyai sahabat dan berusaha agar dirinya bermanfaat bagi sahabatnya. Manusia juga harus bekerja dengan baik untuk membahagiakan orang lain dan selalu berbuat baik tanpa bersifat munafik atau bermuka-muka.¹¹⁶

Berhubung dengan rawatan rohani Ibnu Miskawayh membahagikan kepada dua cara iaitu:¹¹⁷

- a. Mengutamakan kesihatan rohani ketika ia masih ada pada diri seseorang; dan
- b. Mengembalikan semula rohani yang sihat, apabila ia hilang dalam diri seseorang.

Apabila seseorang itu mempunyai jiwa yang sihat, maka dia haruslah sentiasa menambahkan lagi kemuliaan jiwa yang ada padanya dengan cara mendalami ilmu hakiki

¹¹⁶ *Ibid.*, hlm. 141 - 148.

¹¹⁷ *Ibid.*, hlm. 157.

dan pengetahuan yang benar. Ini dapat diperolehi apabila seseorang itu mendampingi orang-orang berilmu dan mempelajari darinya di samping sentiasa berwaspada daripada bergaul dengan orang jahat, orang gila, orang yang selalu melakukan maksiat, orang yang berbangga dengan kejahatannya dan jangan menghadiri majlis-majlis anjuran mereka. Ini disebabkan apabila seseorang itu menghadiri majlis-majlis mereka dan mendengar cerita-cerita tentang kekotoran jiwa dan kelakuan tidak bermoral mereka, maka untuk membersihkan semula perkara-perkara itu dalam jiwanya adalah amat sukar, dan boleh jadi ia akan merosakkan peribadi orang yang baik dan mulia pula.¹¹⁸

Beliau menasihati agar menjauhkan diri dari perbuatan zalim. Setiap individu diseru agar sentiasa berwaspada dalam perbuatannya dengan melatih akal supaya bersikap lemah lembut. Bagi beliau apabila individu memahami konsep kesederhanaan dan mengamalkannya dalam hidup, maka mudahlah untuk merawati setiap penyakit yang wujud dalam masyarakat. Beliau juga mencela sebarang gelaran untuk memuji seseorang kerana ia boleh membawa kepada sifat buruk.¹¹⁹

¹¹⁸ *Ibid.*, hlm. 157 - 158.

¹¹⁹ *Ibid.*, hlm. 178 - 179.

Ibnu Miskawayh menentang kehidupan bertapa kerana ia tidak membawa kepada kehidupan bermoral. Seseorang itu tidak seharusnya memencil diri dari masyarakat kerana kehidupan bermasyarakat akan memberi banyak manfaat kepadanya dalam mengenali kebaikan dan keburukan.¹²⁰ Orang yang hidup secara zuhud dan mengenepikan pekerjaan atau usaha beliau anggap sebagai mengamalkan perbuatan jahat kerana ia megenepikan keperluan orang lain terhadap dirinya. Orang yang mengharapkan pertolongan orang lain sedangkan dia sendiri tidak menolong orang adalah orang zalim dan musuh kepada masyarakat. Sekiranya dia merasakan keperluan hidupnya hanyalah sedikit sahaja, maka dia harus sedar bahawa manusia lain memerlukan banyak kepentingan daripada dirinya.¹²¹

Ibnu Miskawayh juga telah meletakkan satu garis panduan dalam menghayati konsep tolong-menolong iaitu; kalau seseorang itu banyak melakukan pertolongan, dia berhak mendapat banyak bantuan dan sekiranya dia sedikit melakukan pertolongan, maka sedikitlah bantuan yang akan diperolehinya. Individu juga seharusnya mendapat sesuatu

¹¹⁹ *Ibid.*, hlm. 178 - 179.

¹²⁰ Ahmad Ibnu Miskawayh (1970), *Al-Fawz al-Asghar*. Bērūt: Ḳānūn, hlm. 64.

¹²¹ *Ibid.*

habuan di dunia mengikut taraf dan kedudukannya. Dia tidak berhak meminta sesuatu yang bukan haknya, tidak boleh mengurangkan apa yang telah diberi kepadanya, sentiasa berpandu kepada ajaran agama serta berakhhlak dengan akhlak mulia.¹²²

Kesimpulannya, sesiapa yang mempunyai disiplin diri yang sempurna, akhlak yang benar serta mampu mengenali musuh kepada jiwanya , dia akan berjaya memimpin rumahtangganya, sesiapa yang berjaya memimpin rumahtangganya, dia akan berjaya mentadbir sebuah bandar dan sesiapa yang berjaya mentadbir sebuah bandar, dia akan berjaya memimpin sebuah kerajaan.¹²³

2. Al-Ghazali (450H-505H/1058M-1111M).

Al-Ghazālī; Abū Hāmid Muḥammad ibnu Muḥammad al-Tūsī al-Ghazālī merupakan seorang ahli sufi yang bergelar 'Hujjat al-Islām' dan 'Zain al-Dīn'.¹²⁴ Al-Ghazālī dilahirkan di Ghazaleh di pinggiran Thus di Khurasan,

¹²² *Ibid.*

¹²³ *Ibid.*, hlm. 70.

¹²⁴ Yūsuf al-Qardāwī (1988), *Al-Imām al-Ghazālī Baina Mādiḥīhi Wa Nāqidīhi*, Kaherah: Dār al-Wafā', hlm. 1; Abī Ḥamīd al-Ghazālī (1982), *Kitab al-Maut: Sakarāt al-Maut Wa Syiddatuhu*. Kaherah: Maktabat al-Qur'ān, hlm. 2.

Iran pada tahun 450H (1058M)¹²⁵ dan meninggal dunia di Tus dalam usia 53 tahun.¹²⁶ Beliau dianggap sebagai pengkaji kemasyarakatan yang pertama dalam perkembangan Islam. Beliau berusaha mendedahkan penyakit sosial dan akhlak yang berlaku di dalam masyarakat serta mencadangkan cara-cara pemulihannya.¹²⁷

Perbincangan al-Ghazali tentang moral dan pendidikan boleh diteliti dalam ensiklopedianya yang dikenali dengan 'Iḥyā' 'Ulum al-Dīn. Kitab ini banyak membicarakan tentang fenomena masyarakat ketika itu, dan penyelewengan moral yang berlaku, penyakit-penyakit yang menimpa berbagai lapisan masyarakat serta kegagalan masyarakat mengubati dan menyelesaikannya. Beliau membuat teguran bernas secara ilmiah dengan mengutarakan ubat-ubat yang

¹²⁵ Al-Imām al-Ghazālī (1983), *Jawāhir al-Qur'ān Wa Duraruhu*. cet. ke 5, Bēirūt: Dār al-Āfaq al-Jadīdat, hlm. 9.

¹²⁶ 'Alī al-Tantāwi (1981), *Rijāl Min al-Tārīkh*. cet. ke 6, Bēirūt: Muassasat al-Risālat, hlm. 180; Dr. Mustafā Ghā'ib (1983), *al-Ghazālī*. cet. ke 4, Bēirūt: Dār Wa Maktabat al-Hilāl, hlm. 26 - 27.

¹²⁷ Ahmad Shalabī (1978), *Mausū'at al-Nuzum Wa al-Hadārat al-Islāmiyyat* (Jil. 2), op.cit. hlm. 160; Abū al-Hāssan 'Alī al-Nadwī (1992), *Pendukung Panji-panji Islam Sepanjang Zaman*. 'Adi Setia (penterj.), Jil. 1, Kuala Lumpur: Institut Pengajian Tradisional Islam, hlm. 162; al-Ghazālī (t.t), *Al-Munqidh Min al-Dalāl*. Bēirūt: al-Maktabat al-Sya'bīyyat, hlm. 6; 'Adil Za'bub (1980), *Minhāj al-Bahthi 'Inda al-Ghazālī*. Bēirūt: Muassasat al-Risālat, hlm. 13.

sesuai menurut rawatan Islam.¹²⁸ Lain-lain kitab beliau yang membicarakan tentang moral ialah *Minhāj 'al-Ābidīn*, *Bidāyat al-Hidāyat*, *Mīzan al-'Amal*, *Mi'rāj al-Sālikīn*, *Ayyūhā al-Walad* dan sebagainya.¹²⁹

Al-Ghazali membuat penilaian terhadap keadaan agama dan sosial masyarakat dari pandangan Islam. Usaha beliau telah membangkitkan semangat *tajdīd* (perubahan) dalam masyarakat Islam. Beliau amat menyesali kejahilan masyarakat terhadap ajaran Islam dan menyeru agar masyarakat memberi perhatian kepada bidang keilmuan, membaca dan menulis serta menguasai ilmu-ilmu agama secara mendalam.¹³⁰

Terperangkap diantara krisis akhlak dan ketidakadilan sosial, masyarakat Islam diancam oleh kehancuran. Keadaan gawat ini memerlukan gerakan bersemangat yang mengajak manusia kembali kepada agama, menghilangkan khayalan dunia mereka serta menghidupkan semula perasaan ingin mengenal Allah dan mengikuti perintahnya. Menurut al-Ghazali, pengertian tauhid

¹²⁸ Yūsuf al-Qardāwī (1988), *op.cit.* hlm. 16.

¹²⁹ *Ibid.*, hlm. 16.

¹³⁰ Abū al-Hassan 'Alī al-Nadwī, *op.cit.* hlm. 151 - 165.

dan kesedaran mengenai hakikat keseronokan dunia yang sementara ini, sangat mustahak disampaikan kepada masyarakat.¹³¹

Beliau menarik perhatian kepada beberapa kejahatan yang dilakukan oleh setiap lapisan masyarakat, mengariskan kaedah yang diperlukan untuk memulihkan keadaan serta menghuraikan kewajipan masyarakat dan individu dalam menangani permasalahan tersebut, di samping menerangkan ciri-ciri yang membezakan diantara ilmu *naqliyah* dengan ilmu *aqliyah*.¹³²

Mengikutnya para ulama bertanggungjawab diatas kemunduran umat Islam. Beliau mengecam ulama yang gagal menunaikan tugas amar *ma'ruf*, nahi *mungkar*. Beliau melahirkan rasa kesalnya terhadap para ulama sezamannya yang takut menyatakan kebenaran di hadapan raja. Menurut beliau, ulama telah dijangkiti penyakit cintakan harta, nama dan kuasa.

¹³¹ *Ibid.* hlm. 198.

¹³² Abd al-Qadir al-Jilany (1983), *Al-Fath al-Rabbānī Wa al-Faid al-Rahmānī*, Bēirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyat, hlm. 89.

Di samping para ulama, raja dan penguasa; pentadbir dan pembesar juga bertanggungjawab diatas kemerosotan moral dan agama rakyat. Beliau menulis surat-surat terperinci tentang penyelewengan dan kelemahan dalam pentadbiran negara, termasuk pengugutan dan penindasan pegawai-pegawai kerajaan.¹³³

Al-Ghazali juga turut membuat kajian mendalam terhadap manusia yang mengalami beberapa kelemahan, kekeliruan, salah sangka dan khayalan yang menghalang perkembangan peribadi mereka. Kajiannya terhadap perjalanan hidup masyarakat dengan menyelami mental dan jiwa mereka menunjukkan kemahiran beliau sebagai seorang pakar jiwa. Kajiannya mendedahkan pelbagai penyakit jiwa yang tidak pun disedari oleh orang yang mengalaminya.¹³⁴

Mengenai satu lagi bentuk kekeliruan yang melanda orang ramai, al-Ghazali berkata:

"Ada golongan dari kalangan kaya dan miskin yang terpedaya kerana mereka rasa cukup dengan menghadiri majlis pengajian dan mendengar syarahannya, walaupun mereka tidak mengamalkan nasihat yang disampaikan itu. Orang begini terpedaya

¹³³Abū al-Hassan 'Alī al-Nadwī, op.cit. hlm. 172.

¹³⁴Abī Ḥamīd al-Ghazālī (t.t), *Ihya' 'Ulūm al-Dīn*. Jil. 2, Bērūt: Dār al-Ma'rifat, hlm. 294 -299.

*kerana tidak sedar bahawa nilai syarahan agama tersebut terletak pada pengamalannya. Mendengar syarahan agama semata-mata tidak akan berguna pada hari akhirat melainkan kehidupan seseorang itu diubah dan dibentuk dengan cara bertakwa dan mengingati Allah s.w.t.*¹³⁵

Imam al-Ghazali berpendapat kemesraan sesama manusia itu adalah hasil akhlak yang mulia dan perpecahan itu kesan daripada akhlak yang buruk. Akhlak yang mulia membawa kepada berkasih sayang, kemesraan dan persefahaman manakala akhlak buruk menyebabkan pertelingkahan, sesama manusia.¹³⁶ Akhlak dan adat boleh diubah daripada yang buruk kepada baik. Ia boleh dilakukan melalui 'konsep amar ma'ruf dan nahi mungkar' oleh setiap individu tanpa mengira darjat. Sekiranya dalam masyarakat tersebut tidak dilaksanakan konsep ini dan keruntuhan akhlak menghancurkan budi pekerti umat, maka ketika ini, al-Ghazali menganjurkan agar dilakukan salah satu dari dua jalan berikut:¹³⁷

- i. Jihad - berjuang melawan segala kejahatan yang berlaku dengan segala kekuatan yang ada.

¹³⁵ *Ibid.* hlm. 352.

¹³⁶ *Al-Bārōn Kārrā Dō Pō* (1984), op.cit. hlm. 137.

¹³⁷ H. Zainal Abidin Ahmad (1975), *Konsep Negara Bermoral Menurut Imam al-Ghazali*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, hlm. 179.

ii. Uzlah - menyingkirkan diri daripada masyarakat sekiranya syarat-syarat yang diperlukan untuk jihad tidak ada atau tidak lengkap.

Kesimpulannya, melalui *Ihya' 'Ulum al-Din*, al-Ghazali menghurai tentang moral Islam serta menunjukkan kefahaman yang mendalam terhadap nilai-nilai hidup bermasyarakat. Kajian mengenai moral Islam tidak akan lengkap tanpa menyebut pemikiran al-Ghazali dan penulisannya tentang akhlak.¹³⁸

3. Jamaluddin al-Afghani (1254-1315H/1838-1897M).

Beliau ialah Jamaluddin bin Safdar, lebih dikenali dengan nama Jamaluddin al-Afghani.¹³⁹ Dilahirkan pada tahun 1838 Masehi di sebuah kampung bernama As'ad Abad (آساد آباد) berhampiran perkampungan Kunar di Afghanistan.¹⁴⁰ Beliau adalah dari keturunan bangsawan yang bersambung keturunannya dengan al-Turmudhi, seorang

¹³⁸ Al-Ghazālī (1982), *op.cit.*, hlm. 17.

¹³⁹ H. Luqman Hakim (1991), *Tokoh-tokoh Islam Dulu Dan Sekarang*. cet. ke 3, Johor Bahru: Penerbitan al-Masyhur Sdn. Bhd., hlm. 274.

¹⁴⁰ 'Abdul Basīt Muhammad Hasan (1982), *Jamāl al-Dīn al-Afghānī Wa Athāruhu Fī al-'Ālam al-Islāmī al-Hadīth*. Kāhērah: Maktabat Wahbat, hlm. 21.

ahli hadis yang mempunyai salasilah keturunan dengan Imam Hassan bin 'Ali bin Abi Talib.¹⁴¹ Al-Afghani telah menghembuskan nafasnya di bandar Konstantinople (kota Istanbul) pada 9hb. Mac 1897, dalam usia 59 tahun dan dikebumikan disana. Pada tahun 1944 selepas 47 tahun kematiannya, rangka mayat beliau dibawa pulang ke Afghanistan dan ditanam di Kabul.¹⁴²

Jamaluddin al-Afghani digelar *mujaddid* kurun ke 19. Ini dapat diperhatikan melalui rangkaian sejarah Islam terhadap tokoh-tokoh perubah dan pembaharu masyarakat seperti al-Ghazali, Ibnu Taimiyah dan tidak ketinggalan Jamaluddin al-Afghani.¹⁴³ Jamaluddin Al-Afghani dianggap perubah masyarakat kerana beliau membangkitkan seruan dan kesedaran terhadap masalah umat. Setiap pengislah atau perubah menggunakan pendekatan yang berlainan mengikut situasi.¹⁴⁴

¹⁴¹ Ahmad Amīn (1979), *Zu'amā' al-Islāh Fī al-'Asr al-Hadīth*: Bēirūt: Dār al-Kitab al-'Arabi, hlm. 60; Mohd. Kamil Abdul Majid (1990), *Tokoh-tokoh Pemikir Dakwah*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, hlm. 76.

¹⁴² Mustafā Fawzī 'Abd al-Latīf Ghazāl (1983), *Da'wat Jamāl al-Dīn al-Afghānī Fī Mīzān al-Islām*. Riyad: Dār Tayyibat, hlm. 54.

¹⁴³ Tahārī Muhammad (1984), *Mafhūm al-Islāh Baina Jamāl al-Dīn al-Afghānī wa Muhammad 'Abduh*. Tunisia: Al-Muassasat al-Wataniyyat Li al-Kitab, hlm. 8; Mustafā Fawzī 'Abdul Latīf Ghazāl, op.cit. hlm. 229.

¹⁴⁴ *Ibid.* hlm. 14.

sentiasa mengikut tuntutan al-Quran dan al-Hadith serta mengenepikan segala pandangan falsafah dan ahli kalam, yang menjauhkan manusia daripada al-Quran dan manhajnya yang jelas. Beliau berpendapat, tafsiran-tafsiran yang ada tidak mempunyai keaslian seperti kitab al-Quran.¹⁴⁷

Dalam menangani masalah salah faham terhadap konsep tawakkal, qada dan qadar, Jamaluddin al-Afghani memberikan penerangan yang jelas kepada masyarakat. Beliau menulis risalah tentang qada dan qadar dengan menerangkan bahawa kepercayaan kepada qada dan qadar merupakan asas akidah Islam. Menurut beliau punca salah faham terhadap konsep ini adalah disebabkan kemiskinan dan kemunduran umat Islam dari segi kekuatan, peperangan dan politik berbanding umat lain, di mana seterusnya membawa kepada keruntuhan akhlak, berbohong, bersifat munafik, berpecah-belah, jahil tentang masa lalu dan masa depan mereka, tidak peduli terhadap apa yang memudarat dan memberi manfaat kepada mereka, merasa cukup dengan kehidupan sehari-hari mereka seperti makan, minum dan tidur

¹⁴⁷ Muhsin 'Abdul Hamīd (1983), *Jamāl al-Dīn al-Afghānī al-Muslih al-Mūftarā 'Alaihi*. Bēirūt: Muassasat al-Risālat, hlm. 33.

dan tidak mahu berusaha memperbaiki diri.¹⁴⁸ Setiap kebolehan yang ada pada manusia perlu digunakan semaksima mungkin untuk mencapai kejayaan dalam hidup. Kebahagiaan hidup pula dapat dinikmati apabila individu itu mempunyai akal yang bersih daripada segala perkara khurafat dan syak wasangka.¹⁴⁹

Kesimpulannya, dalam merawati masalah umat zamannya, Jamaluddin al-Afghani mempunyai pendekatan tersendiri. Beliau menolak pendekatan dengan cara memberi pendedahan kepada ilmu-ilmu moden yang diceduk dari Barat dan sebarang taklid buta. Bahkan beliau menyeru kembali kepada keaslian ajaran Islam berpandukan al-Quran dan al-Hadith tanpa sebarang kecelaruan khurafat. Ini sahajalah satu-satunya jalan yang dapat mendidik jiwa umat dengan penuh ikhlas dan pengorbanan serta membawa mereka ke jalan yang benar.

Dari perbincangan-perbincangan yang terdahulu, dapatlah dirumuskan bahawa usaha untuk menghidupkan semula moral Islam dalam masyarakat adalah dengan cara mencari punca-punca berlakunya penyelewengan dalam

¹⁴⁸ Tahārī Muhammad, *op.cit.*, hlm. 101 - 102.

¹⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 103 - 104.

masyarakat dan berusaha mengubati penyelewengan tersebut; di mana ia dapat direalisasikan dengan cara:

- a. Meluaskan pemikiran, kerana pemikiran yang sempit merupakan faktor berlakunya perbuatan jahat. Ini kerana akal yang terpesong tidak akan menghasilkan akhlak yang baik;
- b. Bersahabat dengan orang yang berperibadi mulia kerana ia merupakan antara perkara yang boleh mendidik jiwa. Setiap manusia cenderung untuk mengikut persekitarannya, sebagaimana kata seorang cendikiawan Arab yang bermaksud:

*"Beritahu aku siapa kawan engkau,
nescaya aku boleh beritahu siapa engkau"*¹⁵⁰

- c. Meneliti perjalanan hidup para nabi, ulama dan pahlawan Islam kerana ia boleh dijadikan teladan kepada orang yang mengajinya; dan
- d. Memberi tumpuan dan iltizam yang tinggi kepada pekerjaan baik, seperti mendalami ilmu

¹⁵⁰ Ahmad Amīn (1974), *Kitāb al-Akhlāq*. Bēirūt: Dār al-Kitāb àl-'Arabī, hlm. 64.

pengetahuan, berusaha meningkatkan ekonomi, politik dan kefahaman agama di kalangan masyarakat.